



MALAYSIA

**PENYATA RASMI PARLIMEN**  
PARLIAMENTARY DEBATES

**DEWAN NEGARA**  
*Senate*

**PARLIMEN KELAPAN**  
*Eighth Parliament*

**PENGGAL KETIGA**  
*Third Session*

Jilid III Bil. 5

Hari Isnin

7hb Jun 1993

KANDUNGAN

JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN (Ruangan 1)

RANG UNDANG-UNDANG

Rang Undang-undang Perlembagaan. (Pindaan)(No.2)  
1993 (Ruangan 42)

Rang Undang-undang Pengambilan Tanah (Pindaan) (Ruangan 75)



**MALAYSIA**

**DEWAN NEGARA**

**Isnin, 7hb Jun, 1993**

**Mesyuarat dimulakan pada pukul 2.30 petang**

**D 0 A**

[Tuan Yang di-Pertua mempengerusikan Mesyuarat]

JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN

BANK PERUMAHAN - MATLAMAT PENUBUHAN

**1. Tuan Michael Bong Thiam Joon** minta Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan menyatakan:-

- (a) motif sebenar penubuhan Bank Perumahan;
- (b) bila ia akan beroperasi;
- (c) berapa banyak Bank yang akan mengeluarkan wang; dan
- (d) berapa jumlah modal Bank ini untuk beroperasi dan untuk mencapai matlamat penubuhannya.

**Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan [Tuan Osu**

**Haji Sukan]** Tuan Yang di-Pertua, pada hakikatnya, penubuhan bank perumahan adalah untuk memberi kemudahan kepada industri perumahan bagi faedah pemaju dan pembeli.

Konsep bank perumahan telah diterima oleh Kerajaan. Butiran mengenai operasinya seperti yang dibangkitkan dalam soalan Ahli Yang Berhormat adalah di peringkat kajian oleh Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan.

Saya akan membuat pengumuman mengenainya sebaik sahaja kajian tersebut berhasil dan diterima oleh pihak Kerajaan.

**EKSPORT NEGARA - LAPORAN GATT**

**2. Tuan Ghazali bin Haji Embong** minta Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri menyatakan adakah berdasarkan laporan perdagangan dunia (GATT) 1992 Malaysia menunjukkan prestasi yang membanggakan di dunia dan berapakah eksport negara telah bertambah berbanding dengan tahun 1991.

**Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri [Dato' Seri Rafidah Aziz]:** Tuan Yang di-Pertua, Laporan GATT 1992 telah menyatakan bahawa perdagangan luar Malaysia pada tahun tersebut telah mencatatkan prestasi yang membanggakan. Menurut laporan tersebut kedudukan Malaysia sebagai negara pengeksport terbesar di dunia telah meningkat daripada tempat ke 24 pada tahun 1991 kepada tingkat 23 pada tahun 1992.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, eksport Malaysia pada tahun 1992 berjumlah RM103.48 ribu juta iaitu peningkatan sebanyak 9.5% dibandingkan dengan RM94.49 ribu juta yang dicatatkan pada tahun 1991. Walaupun perdagangan luar Malaysia telah mencapai prestasi yang baik, kita haruslah berusaha untuk meningkatkan lagi tahap eksport supaya matlamat dan sasaran eksport di bawah Rancangan Jangka Panjang Kedua dan juga objektif-objektif Wawasan 2020 dapat dicapai.

**LABUAN - KEJAYAAN SEBAGAI PUSAT KEWANGAN  
LUAR PESISIR ANTARABANGSA**

**3. Dato' William Chek Lin Kwai** minta Menteri Kewangan menyatakan:-

- (a) setakat manakah Labuan telah berjaya sebagai Pusat Kewangan Luar Pesisir Antarabangsa (IOFC) semenjak ia dilancarkan;
- (b) apakah projek-projek pembangunan yang telah dijalankan di sana; dan
- (c) setakat manakah penglibatan para pelabur tempatan di Labuan. Sila nyatakan secara terperinci.

**Setiausaha Parlimen Kementerian Kewangan [Tuan Muatapa bin****Mohamed):** Tuan Yang di-Pertua,

C a) Semenjak Labuan diisytiharkan sebagai sebuah Pusat Kewangan Luar Pesisir Antarabangsa pada 1hb Oktober, 1990, sebanyak 138 buah syarikat telah ditubuhkan. Daripada jumlah tersebut, 9 daripadanya adalah bank luar pesisir, 2 syarikat insurans luar pesisir dan 127 syarikat luar pesisir. Daripada segi nilai simpanan dalam bank luar pesisir pada akhir bulan April baru-baru ini, jumlahnya ialah kira-kira US\$713 juta.

(b) Di antara projek-projek pembangunan yang telah dilaksanakan adalah termasuk seperti berikut:-

Projek Swasta:

- (i) pembinaan hotel bertaraf antarabangsa iaitu Sheraton Manikar Resort dan Hotel Tiara yang baru sahaja siap;
- (ii) pengubahsuaian bangunan terminal Lapangan Terbang Labuan (siap tahun 1991);

Projek Pekerjaan:

- ( i) pembinaan Dataran Labuan (Fasa I) (siap tahun 1992);
- (ii) kerja-kerja pembaikan pelabuhan Labuan (siap tahun 1991 );
- (iii) projek pengindahan jalan-jalan di kawasan bandar Labuan (siap kira-kira dua tahun yang lalu).

- ( c ) Tujuan penubuhan Pusat Kewangan Luar Pesisir Antarabangsa (IOFC) adalah untuk menggalakkan pelaburan kewangan daripada syarikat asing. Pelabur tempatan hanya boleh mengambil bahagian dalam kegiatan tersebut setelah mendapat kelulusan khas daripada Bank Negara. Setakat ini penglibatan pelabur tempatan Malaysia dalam aktiviti luar pesisir adalah seperti berikut:-

Bank Luar Pesisir	- 6 buah
Insurans Luar Pesisir	- 2 buah
Syarikat Amanah Luar Pesisir	- II buah
Pirma Audit Luar Pesisir	- 10 buah
Pelikwidasi (Liquidators)	- 4 buah

Sementara itu, syarikat tempatan juga telah mengambil bahagian yang aktif di dalam projek pembangunan di Labuan yang dilaksanakan oleh Kerajaan dan juga oleh pihak swasta.

**Tuan Haji Mohamed Nazri bin Abdul Aziz:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Baru-baru ini ada satu laporan yang dibuat di mana Labuan telah dibandingkan dengan Bangkok dengan tujuan supaya pelabur-pelabur akan melabur di Bangkok. Soalan saya ialah apakah laporan ini telah sedikit-sebanyak menjejaskan usaha pihak Kerajaan untuk memperkenalkan Labuan ini?

**Tuan Mustapa bin Mohaned:** Tuan Yang di-Pertua, laporan itu dimasukkan ke dalam majalah "**EuroMoney**" sebuah publication terbitan United Kingdom dan pada pandangan Kerajaan, laporan tersebut yang mengatakan bahawa antara lain Labuan yang sedang mengalami sedikit-sebanyak persaingan daripada Bangkok tidak menjejaskan usaha kita dan juga prestasi Labuan sebagai sebuah IOFC.

Sepertimana yang saya katakan tadi, walaupun Labuan baru sahaja diisytiharkan sebagai IOFC, tak sampai pun tiga tahun, tetapi sehingga ini sudah 138 buah syarikat yang ditubuhkan di sana dan melihat kepada angka-angka yang disimpan dalam bank luar pesisir berjumlah US\$713 juta, kesemuanya membuktikan bahawa Labuan sedang maju dengan kadar yang menggalakkan bagi menjadi sebuah IOFC yang berjaya.

Perbandingan dengan Bangkok itu kurang sesuai oleh kerana Bangkok merupakan sebuah bandar yang established, dengan izin, yang mempunyai banyak infrastruktur, tetapi di Labuan oleh kerana baru sahaja diisytiharkan sebagai IOFC, kita sedang menumpukan perhatian bagi membina infrastruktur yang secukupnya bagi memastikan Labuan akan dapat bersaing secara berkesan dengan IOFC yang lain.

**Tuan Haji Ahmad Zahid bin Hamidi:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Kita lihat bahawa IOFC yang terletak di Labuan ini merupakan satu 'take-off, dengan izin, yang baik. Tetapi apakah usaha-usaha intensif yang akan terus dijalankan bagi mempromosikan Labuan sebagai pusat IOFC yang paling unggul di rantau ini?

**Tuan Mustapa bin Mohamed:** Ada dua bentuk usaha yang dilaksanakan. Yang pertama, usaha-usaha promosi. Baru-baru ini pada awal tahun Yang Berhormat Menteri Kewangan sendiri telah mengepalai satu rombongan ke beberapa pusat bandar Eropah bagi memperkenalkan Labuan kepada masyarakat kewangan antarabangsa. Ini akan terus diadakan dan malah jika perlu akan diperhebatkan.

Cara kedua, kita menggalakkan Labuan sebagai IOFC ialah dengan membina infrastruktur secukupnya. Dan sepertimana sedia maklum pada masa ini kita sedang melaksanakan projek yang diusahakan oleh pihak swasta yang dipanggil "Financial Park" ataupun "Taman Kewangan" yang bernilai kira-kira RM700 juta. Pihak Kerajaan juga sedang melaksanakan beberapa projek infrastruktur di bawah Rancangan Malaysia Keenam. Ini semua adalah untuk melengkapkan Labuan itu dengan kemudahan-kemudahan secukupnya bagi membolehkan Labuan menarik sebanyak mungkin pelabur khususnya di bidang kewangan dari luar negeri. Jadi melalui usaha-usaha promosi dan juga penyediaan infrastruktur yang secukupnya, kita percaya Labuan dapat dibangunkan dengan jayanya sebagai sebuah IOFC.



**PROGRAM UNIVERSITI BERKEMBAR**

4. Puan Hajah Asmah binti Haji Ismail minta Menteri Pendidikan menyatakan berhubung dengan masalah Universiti Kembar yang mana pada masa ini negara kita kekurangan universiti untuk menerima semua pelajar-pelajar yang berkelulusan untuk memasukinya. Dengan hal yang demikian ada institusi pengajian tinggi di negara ini telah mengadakan program universiti kembar, yang mana boleh menolong mengurangkan perbelanjaan untuk pergi ke luar negeri:

- (a) adakah Kerajaan telah berpuas hati dengan membenarkan prograra universiti kembar ini diwujudkan, selain daripada tajaan pihak Kerajaan sendiri; dan
- Cb) adakah pihak Kerajaan menerima maklumat berhubung dengan bidang pelajaran yang ditawarkan oleh universiti-universiti luar negeri itu, bertepatan dengan keperluan negara maju berasaskan industri dan mutu pendidikan tinggi yang boleh diiktiraf oleh Kerajaan Malaysia.

**Setiausaha Parlimen Kementerian Dalam Negeri [Tuan Ong Ka**

**Ting]:** Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mohon izin untuk menjawab soalan ini bagi pihak Menteri Pendidikan.

Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pada masa ini tidak ada universiti kembar di negara kita. Mungkin dimaksudkan oleh Ahli Yang Berhormat ialah program berkembar. Institusi pengajian tinggi tempatan ada menjalankan program berkembar iaitu di ; antara institusi pangajian tinggi awam dengan Maktab-Maktab Perguruan dan Program berkenaan sedang berjalan dengan lancar.

Di samping itu, Kementerian Pendidikan juga telah memberi kelulusan kepada beberapa institusi pendidikan swasta untuk menjalankan program-program

berkembar dengan kerjasama universiti-universiti luar negara. Kelulusan tersebut bergantung kepada keadaan tertentu seperti terdapat permintaan terhadap kursus yang ditawarkan, jenis kursus yang ditawarkan selama dengan keperluan gunatenaga bagi pembangunan negara. Terdapat penjaminan kos dan institusi swasta berkenaan berkemampuan menjalankan kursus-kursus tersebut.

- (b) Pihak Kementerian Pendidikan dari semasa ke semasa menyemak dengan teliti sebarang kursus yang hendak dikendalikan melalui program berkembar tersebut. Antara perkara-perkara yang diberi perhatian dan diambil kira ialah:-

- (i) kualiti universiti luar negara yang hendak dikembarkan;
- (ii) kursus-kursus yang ditawarkan adalah relevant dengan keperluan negara;
- (iii) status pengiktirafan ijazah-ijazah yang dianugerahkan oleh universiti-universiti tersebut.

**RANG UNDANG-UNDANG PERLEMBAGAAN (PINDAAN) 1993 -  
PERTIKAIAN TENTANG KESAHIHAN**

**5. Datuk Haji Ahmad bin Haji Abdullah** minta Menteri Undang-undang menyatakan, apakah bentuk tindakan atau hukuman diambil oleh Kerajaan terhadap mana-mana pihak yang mempertikaikan kesahihan Rang Undang-undang Perlembagaan (Pindaan) 1993 yang diperkenan oleh Yang di-Pertuan Agong.

**Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri [Tuan Douglas Uggah Embas]:** Tuan Yang di-Pertua, selagi pertikaian dibuat dengan cara yang tidak melanggar undang-undang negara, tindakan tidak boleh diambil terhadap orang-orang tersebut. Untuk makluman Ahli-ahli Dewan Negara, Rang Undang-undang Perlembagaan (Pindaan) 1993 yang diluluskan oleh Parlimen telah menjadi Undang-undang setelah diperkenankan oleh Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong pada 22hb Mac, 1993 celahpun diwartakan pada 29hb Mac, 1993.

**Datuk. Haji Ahmad bin Haji Abdullah:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan, Jika begitu bunyinya segala undang-undang yang diluluskan termasuk Yang di-Pertuan Agoag telah memperkenankan, kalau mereka yang menentang segala kesahihan undang-undang itu termasuk Raja-Raja yang tidak berkenan dengan keputusan itu tidak diambil tindakan, akan menjadi masalah. Kerana ada rakyat dalam negara ini tidak menghormati undang-undang, kita tidak boleh membuat apa-apa kepada mereka.

**Tuan Yang di-Pertua:** Apakah soalan tambahannya? Itu pandangan sahaja.

**Datuk Haji Ahmad bin Haji Abdullah:** Jadi soalnya adakah memang Kerajaan tidak boleh bertindak terhadap mereka-mereka yang mempertikaikan kesahihan Rang Undang-undang Perlembagaan (Pindaan) 1993 itu?

**Tuan Douglas Uggah Embas:** Tuan Yang di-Pertua, seperti saya kata tadi selagi mereka ini tidak didapati melanggar apa-apa undang-undang, memang kita tidak dapat mengambil tindakan. Tetapi walau bagaimanapun, apabila mereka telah didapati melanggar undang-undang termasuk manpertikaikan dengan cara yang haram, maka Kerajaan tidak akan teragak-agak tetapi terus mengambil tindakan.

Sebagai Ahli Yang Berhormat sedia maklum, ada beberapa pihak khasnya parti Pembangkang, mereka ini juga faham bahawa undang-undang ini telah menjadi undang-undang dan telah diluluskan dengan cara sah. Tetapi mereka memainkan ini dengan cara politik. Rupanya mereka ini telah menggunakan modal politik dan menggunakan modal politik untuk mengelirukan rakyat di kawasan luar bandar.

#### **PROJEK LEBUHRAYA UTARA-SELATAN - KADAR TOL**

6. **Tuan Haji Dol bin Dollah** minta Menteri Kerja Raya menyatakan:-

- (a) bilakah projek Lebuhraya Utara-Selatan akan siap dibina sepenuhnya dan berapakah kadar tol yang ditanggung oleh seseorang pemandu dari Utara ke Selatan dan sebaliknya; dan
- (b) berapakah kos projek ini sepenuhnya dan berapakah jumlah pampasan yang telah diberikan kepada Kerajaan-kerajaan Negeri kerana pengambilan tanah.

**Menteri Kerja Raya [Datuk Leo Moggie anak Irok]:** Tuan Yang di-Pertua,

- (a) projek Lebuhraya Utara-Selatan dijangka akan dapat disiapkan sepenuhnya pada bulan April 1994. Kadar bayaran tol yang dikenakan ke atas seseorang pemandu yang menggunakan Lebuhraya Utara-Selatan adalah berdasarkan jarak perjalanan dan unit tol sesuatu kelas kenderaan yang berkenaan. Kadar unit tol adalah berbeza-beza bagi semua lima kelas kenderaan seperti berikut:-

<b>Kelas</b>	<b>Jenis Kenderaan</b>	<b>Kadar Ber Kilometer</b>
I	Kereta	7.5 sen
II	Van	12.5 sen
III	<b>Lori</b>	15.0 sen
IV	Teksi	3.75 sen
V	Baa	6.25 sen

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kadar bayaran tol yang dikenakan ke atas pemandu kereta, iaitu kenderaan Kelas I misalnya, bagi sehalu perjalanan dari bahagian Utara ke bahagian Selatan Semenanjung Malaysia sepanjang Lebuhraya lebihkurang 800 kilometer adalah sebanyak RM60.00 pada tahun 1994, Bayaran tol yang sama akan dikenakan untuk perjalanan sebaliknya.

Cb) Kos bagi menyiapkan projek Lebuhraya Utara-Selatan adalah dianggarkan sebanyak RM6 bilion. Berkenaan dengan pengambiln balik tanah, pampasan hanya dibayar bagi pengambiln balik tanah yang mempunyai hakmilik dan tidak melibatkan Kerajaan-Kerajaan Negeri. Setakat April 1993, jumlah pampasaan yang telah dibayar bagi pengambiln balik tanah ialah RM480.1 juta termasuklah kos penempatan semula mereka yang perlu dipindahkan.

**Tuan Haji Ahmad Zahid bin Hamidi:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya ingin bertanya dengan Yang Berhormat Menteri, lebuhraya di antara Kuala Lumpur-Seremban dan Seremban-Kuala Lumpur telahpun dinaikkan taraf dengan pelebaran jalan yang lebih besar dan kita sedar bahawa daripada Tol Sungai Besi sehingga ke Bulatan Kampung Pandan, projek **ini**, bukan di bawah PULS tetapi **ini**, dengan izin, merupakan satu "bottleneck" untuk kenderaan-kenderaan daripada Seremban ke Kuala Lumpur ataupun Kuala Lumpur ke Seremban. Contohnya pagi ini sahaja, tidak kurang daripada 10 kereta yang tersekat berhampiran dengan Stesyen TUDM Sungai Besi.

Jadi, adakah Kementerian Karja Raya berhajat untuk menswastakan jalan berkenaan atau dengan daya usaha sendiri, pihak Kementerian sendiri yang akan mengambilalih masalah **ini**, bagi mengelakkan kesesakan yang berlaku, sebagaimana yang berlaku sejak akhir-akhir ini?

**Datuk Leo Moggie anak Irok:** Tuan Yang di-Pertua, kesesakan lalu-lintas yang berlaku di Bandaraya Kuala Lumpur, memanglah sudah menjadi satu kenyataan dan sebenarnya, kita tidak boleh menumpukan perhatian semata-mata kepada pembinaan jalan. Seharusnya juga, kita memikirkan polisi untuk mengadakan "public transportation" yang lebih memuaskan dari apa yang ada sekarang dan ke arah **itu**, Kerajaan memanglah mengambil tindakan bagi mewujudkannya.

Bagi menjawab soalan yang khusus melibatkan jalan dari Sungai Besi ke Kampung Pandan, sebenarnya jalan ini menjadi satu bahagian dari jalan yang telah diswaatakan kepada satu syarikat yang mengendalikan penswastan jalan-jalan di sekeliling Kuala Lumpur iaitu pihak Syarikat Metramac Berhad. Jadual mereka untuk melebarkan jalan itu, memang sudah bermula dan saya difahamkan kontrak-kontrak telah juga dianugerahkan kepada pihak kontraktor yang berjaya dipilih.

**Dato' Azumu bin Tak:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Apakah hubungan kuasa di antara Kerajaan dengan PLUS? Maksud saya, jika pada satu ketika nanti Kerajaan bercadang untuk mengurangkan pembayaran tol, misalnya, adakah kuasa Kerajaan untuk memerintah PLUS berbuat demikian?

**Datuk Leo Moggie anak Irok:** Tuan Yang di-Pertua, syarat untuk menswastakan pembinaan Lebuhraya Utara-Selatan yang menang terkandung di dalam suatu kontrak di antara Kerajaan dan pihak syarikat yang tersebut iaitu PLUS Berhad dan tertakluk kepada syarat-syarat dalam kontrak itu, bolehlah kita mengkaji sama adat tidak mengurangkan tol itu boleh dipertimbangkan atau tidak.

Walau bagaimanapun, Tuan Yang di-Pertua, suka saya menerangkan bahawa kadar tol di negara kita ini memanglah satu kadar yang tidak tinggi jika dibandingkan bukan sahaja di negara-negara yang lain, bahkan juga jika dibandingkan dengan pendapatan dan kegunaan



kenderaan di negara kita sendiri. Oleh sebab itu, sukalah juga saya manberi penerangan sedikit bahawa rakyat di negara kita ini diharap memahami hakikat bahawa kemungkinan penswastaan jalan-jalan raya yang akan datang akan kita teruakan sebagai satu unsur polisi untuk kita mengadakan jalan-jalan yang lebih memuaskan pada rakyat di negara ini.

**Tuan Rahim bin Baba:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Mengikut Yang Berhormat Menteri tadi, pengguna-pengguna motosikal adalah dikecualikan daripada membayar tol. Adakah Yang Berhormat Menteri sedar bahawa mereka yang menggunakan motosikal sekarang ini tidak semestinya dari golongan yang berpendapatan rendah? Terdapat motosikal yang berharga RM50,000 ataupun RM60,000 - lebih mahal daripada harga sebuah Proton Saga. Jadi, adakah Kerajaan bercadang untuk mengenakan tol kepada motosikal yang melebihi 125 c.c. yang dimiliki oleh golongan yang berpendapatan tinggi?

**Datuk. Leo Moggie anak Irok:** Tuan Yang di-Pertua, sekarang ini memanglah tidak ada peraturan untuk kita berbuat demikian. Walau bagaimanapun, cadangan Yang Berhormat itu nampaknya ada mempunyai alasan yang baik dan kita akan mengkaji perkara ini dengan lebih mendalam lagi.

**Puan Hajah Che Pora binti Haji Omar:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Sampai bilakah Kerajaan berhasrat untuk memungut tol daripada pengguna-pengguna ataupun adakah ia akan berakhir?

**Datuk Leo Moggie anak Irok:** Mengikut perjanjian di antara pihak syarikat yang mempunyai konsesi ini, memang mereka dianugerahkan untuk mempunyai hak untuk memungut tol sehingga ke tempoh concession itu tamat pada, kalau tidak silap saya, kira-kira antara 20 tahun atau lebih sedikit.

#### LEBUHRAYA UTARA-SELATAN - KENAIKAN KADAR TOL

7. **Tuan Ibrahim bin Daud** minta Menteri Kerja Raya menyatakan juralah kutipan tol dari Lebuhraya Utara-Selatan sejak kadar tol dinaikkan lima bulan pertama berbanding pada bulan yang sama pada kadar sebelumnya.

**Datuk Leo Moggie anak Irok:** Tuan Yang di-Pertua, maklumat mengenai jumlah kutipan tol bagi lima bulan pertama tahun 1993, dari semua bahagian Lebuhraya Utara-Selatan hanya dapat dikemukakan oleh pihak PLUS Berhad pada pertengahan bulan Jun tahun **ini**. Walau bagaimanapun, mengikut rekod mereka yang ada, jumlah kutipan tol yang diperolehi daripada Lebuhraya -Utara-Selatan sejak kadar tol dinaikkan bagi empat bulan pertaa tahun 1993 ialah sebanyak RM78.2 juta. Bagi tempoh yang sama, jumlah kutipan tol yang diperolehi daripada kadar tol sebelumnya untuk tahun-tahun yang lepas ialah seperti berikut:-

<b>Tahun</b>	<b>Jumlah Kitipan</b>
1989	RM21.1 juta
1990	RM27.1 juta
1991	RM34.9 juta
1992	RM43.3 juta.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, perbandingan yang cepat tidak dapat dibuat ke atas hasil kutipan tol bagi tempoh berkenaan untuk tahun 1993 dengan tahun-tahun sebelumnya oleh sebab beberapa seksyen lebuhraya baru dibuka kepada lalu-lintas secara berperingkat sejak tahun 1989.

**Tuan Ho Cheng Wang:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan.

Mengikut syarat-syarat surat perjanjian di antara pihak Kerajaan dan PLUS Berhad, bilakah kadar tol akan dinaikkan lagi dan berapakah peratusnya selain dari kenaikan yang Yang Berhormat ceritakan tadi?

**Datuk Leo Moggie anak Irok:** Tuan Yang di-Pertua, mengikut perjanjian di antara Kerajaan dengan pihak syarikat konsesi, kadar tol yang dikenakan sekarang akan terus dikenakan sehingga penghujung tahun 1995. Selepas itu, terpulanglah kepada pihak Kerajaan menimbang dengan pihak PLUS kedudukan tol pada masa itu.

**Datuk. Haji Ahmad bin Haji Abdullah:** Tuan Yang di-Pertua, adakah Kerajaan menyemak perbelanjaan yang digunakan oleh PLUS untuk memperbaiki lebuhraya, kemudian melihat pendapatan yang dihasilkan oleh pungutan tol dan melihat keuntungan setiap tahun atau kerugiannya supaya apabila cukup banyak keuntungan, patut perjanjian itu diubah dan menyebabkan Kementerian boleh memberhentikan perkhidmatan PLUS dan memberikan rakyat kemudahan tol dengan percuma.

**Datuk Leo Moggie anak Irok:** Tuan Yang di-Pertua, pertamanya suka juga saya mengulangi pendirian saya sendiri dan juga pendirian Kerajaan bahawa polisi untuk mengenakan tol bagi pembinaan jalan ialah suatu polisi yang Kerajaan bercadang untuk meneruskannya.

Peruntukan kewangan di negara kita ini memang senantiasa terhad dan diperlukan juga untuk membangunkan pembangunan yang lain dan rakyat terus memahami hakikat bahawa mereka sendiri yang menggunakan kemudahan tersebut perlu juga memberi sumbangan untuk membiayai pembinaan lebuhraya tersebut. Menang menjadi suatu tugas dan suatu perkara biasa dilakukan oleh pihak Kerajaan untuk menentukan mana-mana syarikat di negara kita ini berjalan dengan baik dan efisien dan begitu juga pula dengan syarikat yang menguruskan pembinaan Lebuhraya Utara-Selatan ini iaitu Syarikat PLUS. Memang menjadi tanggungjawab mereka dan kita mengharap mereka juga akan terus menaikkan efficiency mereka sendiri. Juateru itu juga kita akan mengkaji dan membuat kelihatan bagaimana kos kegunaan mereka membina jalan dan bagaimanakah hasil yang diperolehi oleh mereka.

Walau bagaimanapun, tidak ada syarikat-syarikat yang akan terus mengadakan perniagaan sekiranya mereka tidak mendapat keuntungan yang difikirkan sesuai dan cukup untuk keperluan mereka juga. Tidaklah menjadi tujuan Kerajaan untuk menarik kemungkinan syarikat-syarikat negara ini yang mempunyai keuntungan terus bergerak dan terus memajukan diri mereka sendiri.

#### PROMOSI BAGI TAHUN MELAWAT MALAYSIA 1994

**3. Tuan Haji Syed Abdul Hamid Sagaff** minta Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan menyatakan apakah bentuk promosi di luar negara yang telah dan sedang dijalankan dan berapakah anggaran jumlah pelancong yang dijangka melawat negara kita sempena Tahun Melawat Malaysia 1994 ini.

**Timbalan Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan [Dato' Chan Kong Choy]:** Tuan Yang di-Pertua, berbagai bentuk promosi telah

dan sedang dijalankan oleh Kementerian bagi menarik minat pelancong asing datang ke Malaysia. Di antara bentuk promosi yang telah dan sedang dijalankan termasuk:-

- (i) mengadakan kempen pengiklanan melalui media cetak, elektronik dan pengiklanan luaran di negara-negara sasaran;
- (ii) menganjurkan misi pelancongan di negara-negara tertentu dengan disertai bersama oleh sektor awam dan swasta di dalam industri pelancongan Malaysia;
- (iii) mengambil bahagian di berbagai international tourism fairs dan lain-lain pameran berkaitan;
- (iv) i) urkan program penggalakan pengguna seperti pes' makanan dan kebudayaan, radio calk show, promosi pengguna dan lain-lain;
- Cv) meraikan rombongan perfileman dan wartawan asing di negara ini untuk mendapatkan publisiti bagi Malaysia sebagai destinasi pelancongan; dan
- Cvi) mengendalikan taklimat mengenai Malaysia kepada kumpulan-kumpulan tertentu seperti ahli-ahli di. pasaran-pasaran luar.

Tuan Yang di-Pertua, sempena Tahun Melawat Malaysia 1994, Kementerian ini menjangkakan bahawa seramai 7 juta pelancong akan mengunjungi Malaysia, iaitu mencapai kadar pertumbuhan sebanyak IOS berbanding dengan tahun 1993.

**Puan Rosalind Yau Shuk Meng:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya minta Timbalan Menteri menerangkan apa-apa usaha

memperkenalkan budaya, kesenian dan identiti Malaysia kepada pelancong melalui persembahan hendaklah dilakukan dengan yang terbaik, bermutu dan berkesan terhadap daya tarikan pelancong ke negara kita? Pada masa lalu dan kini, ia dibuat secara tangkap muat atau secara rambang bila perlu. Adakah Kerajaan bercadang mengadakan pusat-pusat khas dalam usaha menghasilkan persembahan-persembahan yang bermakna yang boleh dijadikan kajian dan apresiasi oleh pelancong terhadap mutu dan nilai seni, faktor sejarah dan keharmonian Malaysia sebagai negara berbilang kaum dan agama?

**Tuan Yang di-Pertua:** Soalan itu panjang, Yang Berhormat:!

**Dato' Chan Kong Choy:** Tuan Yang di-Pertua, di dalam misi pelancongan yang dihancarkan ke luar negeri untuk menjalankan usaha penggalakan pelancongan, kita memang ada menghancarkan kumpulan kebudayaan dari Pusat Kebudayaan Negara untuk menganjurkan dan menunjukkan berbagai-bagai jenis kebudayaan yang unik di Malaysia ini kepada negara-negara lain.

Selain daripada itu, MATIC ataupun Malaysian Tourism Information Centre memang ada juga menganjurkan peratunjukan kebudayaan kepada pelancong-pelancong asing setiap hari pada pukul 3.00 petang. Jadi, saya dengan segala sukacitanya menjemput Yang Berhormat untuk menyertai program yang diaturkan oleh Kementerian saya .

**Tuan V.K. Sellappan:** Tuan Yang di-Pertua, soalaa tambahan. Berapa peratuskah kekurangan pelancong akibat daripada syarat-syarat baru untuk mendapatkan visa bagi pelancong-pelancong dari Pakistan, Bangladesh dan India? Apakah langkah-langkah yang telah dan akan diambil untuk mengatasinya?

**Dato' Chan Kong Choy:** Tuan Yang di-Pertua, sejak Kerajaan mengetatkan syarat-syarat baru untuk mendapatkan visa bagi pelancong-pelancong dari Pakistan, Bangladeah dan India mulai pada 1 hb Januari tahun ini, ketibaan pelancong ke Semenanjung Malaysia dari pasaran tersebut didapati menurun sebanyak 72.4% bagi Pakistan; 49.9% bagi Bangladesh; dan 77.9% bagi India bagi tempoh Januari sampai Februari tahun ini juga kalau dibandingkan dengan Januari/Februari 1992.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat yang berkenaan, baru-baru ini Kerajaan telahpun mengambil tindakan untuk melonggarkan peraturan-peraturan berkaitan dengan mengeluarkan visa bagi negara-negara tersebut. Syarat wang cagaran sebanyak RM750 telahpun dimansukan. Untuk menggantikan wang cagaran, penaja tempatan adalah diperlukan dan dikehendaki membuat apa yang dinamakan sebagai jaminan diri ataupun personal bond dengan bayaran sebanyak RM 10 sahaja. Walau bagaimanapun, negara-negara Pakistan dan Bangladesh selama ini tidak merupakan pasaran utama bagi industri pelancongan di Malaysia.

**Tuan Ho Cheng Wang:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Mengikut penjelasan Yang Berhormat Timbalan Menteri tadi, filem-filem atau pengiklanan-pengiklanan adalah digunakan sebagai satu bentuk promosi di luar negeri. Saya hendak bertanya Yang Berhormat Timbalan Menteri, adakah filem-filem ini atau pengiklanan-pengiklanan ini ditapis oleh Kementerian atau dilihat oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri sendiri untuk menjamin bahawa gambar-gambar dalam iklan atau filem-filem-ini tidak menggambarkan Malaysia

menggunakan gadis atau perempuan yang cantik yang lucu untuk menarik pelancong masuk ke negeri kita? [Ketawa]

**Dato' Chan Kong Choy:** Pihak Kerajaan menang tidak pernah sekali pun untuk menggunakan gadis ataupun perkara-perkara yang ada kaitan dengan seks untuk menjadi daya penarikan pelancong ke Malaysia.

#### PERUNDINGAN EKONOMI ASIA TIMOR (EAEC) - KEYAKINAN NEGARA BARAT

9. Tuan Haji Zainal bin Md. Deros minta Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri menyatakan sama ada kempen untuk meyakinkan negara-negara maju seperti USA supaya EAEC (Perundingan Ekonomi Asia Timur) tajaan Kerajaan Malaysia boleh menjadi kenyataan dan jika EAEC diterima oleh negara-negara maju, nyatakan faedah-faedah yang akan diperolehi oleh Malaysia.

**Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri [Dato' Seri Rafidah Aziz):** Tuan Yang di-Pertua, saya ingin memaklumkan bahawa kempen untuk meyakinkan Amerika Syarikat mengenai EAEC nyata telah mencapai kemajuan di mana telah terdapat perubahan pendirian negara itu terhadap EAEC. Jika pentadbiran lama di bawah Presiden Bush dahulu telah menentang cadangan EAEC dengan alasan bahawa ianya akan membelah-bahagikan kawasan Pasifik, pihak pentadbiran di bawah Presiden Clinton telah menyatakan baru-baru ini bahawa adalah terserah kepada ASEAN dan negara-negara lain di Asia Timur untuk membincangkan cadangan EAEC itu. Dengan perubahan ini, adalah dijangka bahawa perbincangan dalaman ASEAN untuk menentukan pendekatan dan modaliti EAEC dapat menumpukan perhatian sepenuhnya terhadap cara-cara bagi melaksanakannya.



Tuan Yang di-Pertua, seperti yang pernah dijelaskan di Dewan yang mulia **ini**, EAEC adalah satu forum perbincangan di kalangan negara-negara Asia Timur bagi menyumbang ke arah pengukuhan sistem perdagangan bebas di samping memelihara kepentingan perdagangan dan ekonomi rantau Asia Timur dalam penggubalan dasar, peraturan-peraturan dan disiplin berbagai hala di GATT. EAEC juga akan menunpukan perhatian kepada usaha liberalisasi ekonomi dan perdagangan di Asia Timur bagi mempertingkatkan hubungan ekonomi di kalangan negara-negara anggota melalui pembukaan pasaran.

Nyatalah bahawa tumpuan EAEC kepada sistem perdagangan bebas dan pembukaan pasaran akan mendatangkan faedah termasuk peningkatan eksport barangan pembuatan negara, kemasukan pelaburan daripada Asia Timur dan juga teknologi yang berkaitan dengannya serta pengiktirafan peranan negara dalam mengukuhkan sistem perdagangan bebas,

**Tuan Fu Ah Kiow:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Apakah pendirian negara Jepun dan Blok EC terhadap EAEC? Soalan tambahan kedua, adakah negara ASEAN berhasrat untuk menentukan satu tempoh masa menjadikan EAEC satu kehyataan?

**Dato' Seri Rafidah Aziz:** Tuan Yang di-Pertua pihak Jepun telah menyatakan bahawa mereka akan membuat apa-apa pandangan atau keputusan setelah ASEAN sendiri menyatakan pendirian tentang bagaimana haluan EAEC ini akan berlangsung.

Mengenai EEC pula, pada prinsipnya mereka menyatakan mereka tidak ada halangan terhadap apa yang dilakukan oleh negara-negara Asia Timur dan saya yakin pandangan ini masih lagi berterusan.

Mengenai tempoh masa, sebenarnya kita tidak ada meletakkan apa apa tempoh masa kerana kita percaya dan faham bahawa EAEC ini adalah suatu evolusi melalui masa. Tetapi buat masa ini kita sedang menjalankan kempen untuk menerangkan EAEC di kalangan berbagai strata masyarakat antarabangsa terutamanya masyarakat di kalangan Asia Timur sendiri seperti di kalangan media massa, di kalangan sektor swasta, akademik dan mana-mana juga pihak yang faham akan faedah-faedah yang boleh diperolehi daripada EAEC. Saya percaya apabila ini difahami dengan cepat, maka sokongan terhadap EAEC akan

diperolehi dan dengan itu akan timbul secara sendirinya kemungkinan untuk mengadakan mesyuarat-mesyuarat lebih rasmi di kalangan mereka-mereka yang membuat keputusan dan dasar di kalangan negara-negara EAEC.

**Tuan Haji Mohamed Nazri bin Abdul Aziz:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan- Kempen yang dibuat untuk meyakinkan negara-negara maju seperti USA ini seolah-olah kita memerlukan kebenaran daripada negara-negara Barat ini untuk kita mengadakan EAEC. Soalan saya ialah apakah kita perlumendapat kebenaran daripada mereka? Kedua, kalau jawapannya "tidak", apakah tidak boleh kita mewujudkan EAEC ini dengan negara-negara yang menyokong penubuhannya? Kita wujudkan dulu dan kemudian kita buat kerja sama ada hendak meyakinkan ahli-ahli lain untuk masuk.

**Dato' Seri Rafidah Aziz:** Sebenarnya, Tuan Yang di-Pertua, tidak perlu kita minta *izin* dan kebenaran mana-mana pihak di luar daripada lingkungan Asia Timur untuk mengadakan apa-apa forum yang melibatkan negara-negara Asia Timur. Apa yang berlaku seperti Yang Berhormat sedia maklum bahawa di masa yang tepat ini, Kerajaan dan Pentadbiran Amerika Syarikat yang sebelum ini telah menentang idea ini dengan berbagai-bagai alasan. Jadi apa yang kita lakukan ialah menjelaskan apa yang patut dijelaskan dan kita tahu apabila negara besar seperti Amerika menentang-maka tentangan ini disalurkan juga kepada negara-negara di Asia Timur yang dengan itu menunjukkan pula segan silu mereka dengan pendirian menyokong EAEC, kerana hubungan

perdagangan dan hubungan politik dan sebagainya. Jadi, dengan itu kalau negara-negara Asia Timur sendiri raemikirkan EAEC adalah satu forum yang harus diwujudkan maka saya rasa tidak siapa' yang boleh menghalang. Jadi itulah yang kita buat sekarang, merumuskan modaliti dan cara bagaimana forum EAEC ini boleh dicvolu3ikan. Dengan adanya mesyuarat-raesyuarat di kalangan berbagai pihak EAEC, ini menunjukkan kita sudahpun menghala kepada raengadakan perbin-cangan di kalangan negara Aaia Timur.

**PEBJUMPAAN TIMBALAN PERDANA MENTERI DENGAN MENTERI BESAB KELANTAN -  
TUJUAN DAH HASIL**

**10. Tuan Saad bin Haji Man** minta Perdana Menteri memberi maklumat apakah tujuan dan hasil yang diperolehi dari pertemuan di antara Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri dengan Menteri Besar Kelantan baru-baru ini.

**Tuan Douglas Uggah Embas:** Tuan Yang di-Pertua, atas permohonan Menteri Besar Kelantan, Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri telah berjumpa dengan Menteri Besar itu pada 27 April 1993 di Pejabat Timbalan Perdana Menteri. Perkara-perkara yang telah dicimbulkan di dalam perjurapaan itu adalah seperti berikut:-

- (i) Menteri Besar telah mengucapkan terima kasih dan bersyukur kerana tidak ada perkara-perkara yang tidak diinginkan telah berlaku seraaaa Perhimpunan Rakyat yang diadakan di Kota Bharu, Kelantan pada 10 April 1993;
- (ii) Permohonan pinjaraan Kerajaan Persekutuan daripada Perbadangan Kemajuan Iktisad Negeri Kelantan untuk membiayai beberapa projek-projek pembangunan; dan
- (iii) Pemberian secara langsung Kerajaan Persekutuan kepada Majlis Agama Islatn Kelantan.

Perkara-perkara yang dibangkitkan oleh Menteri Besar seperti di (ii) dan (iii) adalah dalam pertimbangan Kerajaan.

**Tuan Saad bin Haji Man:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Soalan tambahan kepada Yang Berhormat Setiausaha Parlimen. Apakah benar kenyataan Yang Amat Berhormat Menteri Besar Kelantan bahawa Kerajaan Pusat tidak meluluskan pinjaman sebanyak RM17 juta kepada SEDC Kelantan adalah kerana sebagai tindak-balas Kerajaan Persekutuan, Kerajaan Barisan Nasional secelah kalah dalam pilihanraya yang lalu. Dan saya hendak minta petua sedikit daripada Yang Berhormat, siapa yang lebih berdosa, siapa yang lebih zalim antara orang yang tidak lulus pinjaman kepada orang yang tidak mampu hendak bayar balik pinjaman dengan orang yang tidak mampu hendak bayar balik pinjaman tetapi hendak buat juga pinjaman, bila orang tidak beri, dia hendak marah.

**Tuan Douglas Uggah Embas:** Tuan Yang di-Pertua, adalah tidak benar Kerajaan Persekutuan tidak meluluskan pinjaman itu kerana membalas dendam. Sebenarnya, peruncukan itu tidaklah termasuk dalam Rancangan Malaysia Keenam, maka ia tidak diluluskan. Tetapi Menteri Besar Kelantan boleh membuat apa-apa pendirian. Pada pandangan saya beliau harus membericahu rakyat Kelantan bahawa Kerajaan PAS tidak mampu mentadbir Negeri Kelantan tanpa bantuan dari Kerajaan Barisan Nasional atau Kerajaan Pusat.

Mengenai siapa yang zalim, itu terpulang kepada pihak yang berkenaan untuk membuat fatwa.

**Puan Hajah Zaleha binti Hussin:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Apakah dalam perbincangan Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri dengan Yang Amat Berhormat Menteri Besar Kelantan itu, tidak adakah perbincangan mengenai Program Induk Pembangunan Islam di negeri Kelantan tersebut seperti yang dijanjikan dalam pilihanraya yang lalu?

**Tuan Douglas Uggah Embas:** PAS membuat banyak perjanjian dalam pilihanraya yang lalu tetapi raungkin menghadapi masalah untuk melaksanakan program cadangan mereka itu.

SEMPADANMALAYSIA/THAILAND-KAWAIANKETATPINTUMASUK

**II. Puan Hajah Che Pora binti Haji Omar** minta Menteri Dalam Negeri menyatakan langkah-langkah keselamatan yang diambil oleh pihak Kerajaan di pintu-pintu masuk sempadan Malaysia-Thailand sebagai langkah mengurangkan penye ludupan khususnya penyeludupan senjata api dari China yang dilaporkan baru-baru ini.

**Tuan Ong Ka Ting:** Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pihak Kerajaan telah mengambil langkah-langkah kawalan ketat di pintu masuk sempadan Malaysia-Thailand bagi mencegah penyeludupan dengan menempatkan anggota-anggota keselamatan di kawasan-kawasan sempadan seperti berikut:-

- (a) Melalui Operasi Aturan 10, Pasukan Polis Hutan telah ditempatkan di sepanjang sempadan dari Padang Besar ke Bukit Kayu Hitam;
- (b) Operasi Pagar Tiga dari Pengkalan Ulu ke Bukit Gobeh;
- (c) Operasi Tebas dari Kuala Jambu ke Lubuk Setul.

Di samping, itu Unit Pencegahan Penyeludupan (UPP) di bawah Majlis Keselamatan Negara juga turut raengawasi beberapa kawasan di sepanjang sanpadan Malayaia-Thailand. Selain daripada tindakan-tindakan yang disebutkan tadi maklumat-maklumat dari orang ramai juga digunakan untuk melancarkan tindakain-tindakan terhadap penyeludup-penyeludup.

**Tuan Johan B.O.T. Ghani Christopher:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Negeri Sabah selalu diganggu ataupun diceroboh oleh lanun-lanun dan perompak-perompak yang mana pada masa dulunya lanun dan perompak ini merompak nelayan-nelayan kita sehingga nelayan tidak berani keluar ke laut. Pada hari ini lanun bukan lagi merompak di laut tetapi lanun sudah merompak di darat, membunuh, merogol dan **macam-macam**. Oleh sebab itu apakah langkah-langkah Kementerian Dalam Negeri dalam soal ini? Sejauh manakah perkara-perkara ini dapat diatasi setakat ini?

**Tuan Ong Ka Ting:** Tuan Yang di-Pertua, soalan asal adalah mengenai langkah-langkah keselamatan yang diambil di pintu masuk sempadan Malaysia-Thailand. Oleh sebab soalan tambahan yang dikemukakan oleh Yang Berhormat mengenai Sabah dan lanun-lanun itu adalah satu subjek yang penting, jadi saya cadangkan Yang Berhormat kemukakan satu soalan yang berasingan pada masa depan supaya diperuntukkan masa yang cukup untuk saya terangkan.

**Tuan Yang di-Pertua:** Betul.

**Tuan Ho Cheng Wang:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya rasa penyeludupan senjata api bukan satu perkara yang baru. Saya tidak tahu adakah Yang Berhormat Setiausaha Parlimen bersetuju dengan saya bahawa operasi-operasi atau langkah-langkah yang Yang Berhormat ceritakan tadi tidak berkesan. Jikalau berkesan, mengapa negara kita masih mendapat senjata api yang banyak seperti hari ini?

**Tuan Ong Ka Ting:** Tuan, Yang di-Pertua, adalah tidak benar menyatakan: bahawa langkah-langkah yang saya teliti terangkan. tadi tidak berkesan. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, melalui Langkah-langkah yang saya telah terangkan, pihak penguatkuasa ataupun. agensi-agensi keselamatan telah berjaya merampas sebanyak 301 senjata api. yang diseludup sepanjang tahun 1991-1993 melalui langkah-langkah yang saya sebutkan itu. Kalau sekiranya tidak ada tindakan-tindakan tersebut ataupun tindakan-tindakan itu dikatakan tidak berkesan, saya rasa pada hari ini Malaysia akan dibanjiri oleh pistol ataupun. senjata api. Dan saya rasa penyeludup-penyeludup ini mungkin sudah dapat menjalankan sesuatu kegiatan dengan lebih berleluasa jika tidak adanya tindakan-tindakan seumpama ini. Maka saya ingin tegaskan sekali lagi langkah-langkah yang diambil adalah berkesan.

**Datuk. Haji Ahmad bin Haji Abdullah;** Tuan Yang, di-Pertua, soalan tambahan. Langkah mengurangkan penyeludupan khusus berkenaan dengan senjata api ini, saya rasa boleh berkesan. Kita tidak beberapa takut senjata api, tetapi ada satu lagi penyeludupan, iaitu wanita yang cantik daripada Thailand [Ketawa] yang boleh membunuh rakyat Malaysia, termasuk kita semua akan dibunuh kalau kita rapat dengan wanita cantik itu. Jadi, adakah tindakan mengurangkan penyeludupan masuk wanita cantik ini memberi kesan kepada Kerajaan? Adakah kesannya kurang atau banyak lagi? [Kecewa]



**Tuan Ong Ka Tiag:** Tuan Yang di-Pertua, penyeledupan senjata api lebih susah dikesan kalau kita bandingkan dengan penyeludupan wanita cantik. Sebab senjata api boleh simpan di mana-mana tempat atau di, mana-mana bahagian, [Ketawa] tetapi wanita itu boleh nampak. Jadi, salah satu tindakan yang Kerajaan sedang buat ialah kita sedang dalam proses dan telahpun mengambil tindakan untuk membina pagar, membina tembok di sepanjang sempadan. supaya mereka yang cuba hendak masuk tanpa izin, itu tidak akaa berjaya. Di bawah Rancangan Malaysia Keenam, Kerajaan berikan peruntukan lagi - RM50 jaca - untuk buat lagi banyak tembok itu. Jadi, gadis ini tidak kira cantik atau tidak cantik dan kalau tanpa izin tidak boleh masuklah. [Ketawa]

**Tuan Haji Mohamed Nazri bin Abdul Aziz:** Tuan Yang di-Pertua, soalan.tambahan. Penyeludup ini bolen didakwa, pertamanya di dakwa di Mahkamah kerana menyeludup, yang mungkin hukuman. yang ringan. Atau keduanya, didakwa di bawah Unlawful Possession of Firearms, atau membawa senjata api yang akan membawa kepada hukuman gantung. Jadi, saya iagia bertanya kepada pihak K.ementerian apakah Kerajaan akan mendakwa mereka di bawah "Unlawful Possession. of Firearms", dengan izin?

**Tuan Ong Ka Ting:** Tuan Yang di-Pertua, ini terpulang kepada kesalahan yang dilakukan sama ada kesalahan yang dilakukan itu adalah satu. kesalahan yang dirancang dan disengajakan ataupun dia punya gravity itu terlalu berat. Kalau sekiranya seseorang pesalah yang ditangkap itu, setengah itu secara tidak sengaja terjumpa senjata

api ataupun. seseorang itu dipergunakan sebagai alat tanpa dia sedar. Kalau sekiranya dia didakwa di bawah "Possession, of Firearms", hukuman yang akan dijatuhkan ialah hukuman mati, maka susahlah dan terlalu beratlah untuk seseorang itu. Jadi., ini terpulang kepada kebijaksanaan pihak Pendakwa.

#### KEMUDAHAN ASAS UNTUK ORANG ASLI

**12. Tuan Itam Wali bin Nawan** minta Menteri Pembangunan Luar Bandar menyatakan masih banyak kawasan-kawasan Orang Asli masih belum mendapat kemudahan asas yang cukup termasuk jalan raya, bekalan elektrik, air dan sebagainya:

- (a) adakan keadaan ini dalam pengetahuan pihak Kementerian; dan
- (b) apakah usaha-usaha yang telah dijalankan oleh Kementerian. untuk memasukkan kemudahan-kemudahan. asas tersebut ke kawasan-Kawasaa Orang Asli.

**Setiausaha Parlimen Kementerian Pembangunan Luar Bandar [Dato Mohamed bin Jamrah];** Tuan Yang di-Pertua, segala persoalan berkenaan dengan Orang Asli adalah di bawah jagaan Kementerian Pembangunan Luar Bandar. Jadi, saya kira jawapan kepada soalan. ini adalah akan dijawab oleh Kementerian Pembangunan Luar Bandar.

Tuan Yang di-pertua,

- (a) Untuk makluman, Yang Berhormat, Kerajaan sentiasa peka terhadap taraf hidup semua rakyat termasuk masyarakat Orang Asli. Justeru itu, Kerajaan telah melaksanakan pelbagai program pembangunan bagi mempertingkatkan kualiti hidup masyarakat Orang Asli termasuk membekalkan, kemudahan-kemudahan infrastruktur seperti jalan raya, elektrik dan air.
- (b) Sehubungan, dengan itu, bagi kawasan-kawasan Orang Asli yang belum mendapat kemudahan asas yang cukup, Kerajaan akan terus berusaha untuk membawa pembangunan ke kawasan berkenaan. Sehingga hari ini, dari jumlah 638 buah kampung Orang Asli yang ada pada masa ini, 652 buah kampung telahpun dibekalkan dengan kemudahan jalan raya, 491 buah kampung telah dibekalkan dengan bekalan elektrik sama ada dari TNB ataupun penggunaan generator, dan 232 buah kampung telah dibekalkan dengan air paip.

**Tuan Itam Wali bin Nawan:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Yang Berhormat Dato Setiausaha Parlimen tadi telah ceritakan beberapa ratus buah kampung Orang Asli yang telah dibekalkan dengan jalan raya, elektrik dan lain-lain kemudahan. Pertanyaan saya, bolehkah Dato Setiausaha Parlimen menamakan kampung-kampung yang telah dibekalkan dan sepanjang penglihatan saya, banyak lagi kampung yang tidak dibekalkan?

**Dato Mohamed bin Jamrah:** Tuan Yang di-Pertua, kerana terlalu banyak sangat kampung, kalau Yang Berhormat berminat, kita boleh beri secara bertulis.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ya, secara bertulis.

**Puan Hajah Rahmah binti Salleh:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya ingin tahu apakah Orang-orang Asli ini mengambil bahagian sebagai pengundi apabila menjelang pilihanraya? Yang kedua, ingin saya nyatakan kerana perkampungan Orang Asli di daerah saya, apabila ada pilihanraya, mereka LCI! tidak mengambil bahagian, dalam pengundian..

Dato Mohamed bin Jamrah: Kedua-dua soalan ini bukan berkaitan dengan soalan asal iaitu berkenaan bekalan infrastruktur ke kampung Orang Asli. Jadi, bagaimanapun, kalau Yang Berhormat bertanya berkenaan dengan sama ada mereka mengundi ataupun tidak, sebagai rakyat Malaysia, kalau sekiranya mereka mendaftar dengan Suruhanraya Pilihanraya, mereka berhak mengundi. Tetapi kalau mereka tidak mengundi, -Yang Berhormat boleh colong meminta mereka supaya pergi mengundi.

#### KEMATIAN PESAKIT AKIBAT KECUAIAN DOKTOR

13. Tuan Chooi Chi Sioog minta Menteri Kesihatan menyatakan:

- (a) bilangan pesakit yang mati oleh kerana kecuaiannya doktor di hospital dan sebabnya; dan
- (b) bagaimana caranya bagi keluarga mangsa untuk mendapat pampasan yang berpatutan. Adakah Kerajaan bercadang membeli insurans supaya kepinganan hospital dapat dijaga.

**Setiausaha Parlimen Kementerian Kesihatan [Dato' K. Kumaran]:**

Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Jumlah kes kecuaiian yang terbukti berlaku di hospital-hospital Kerajaan yang melibatkan kematian dan hilang keupayaan kekal bagi tempoh 5 tahun, iaitu 1988-1992 ialah 21 kes. Kementerian ini tiada maklumat terperinci mengenai kes-kes berkenaan di hospital/pusat rawatan swasta kerana kes-kes sebegini diselesaikan sama ada di mahkamah ataupun melalui perundingan antara pesakit/pewarisnya dengan hospital/pusat rawatan swasta yang berkenaan tanpa merujuk kepada Kementerian ini.

Bentuk-bentuk kecuaiian bagi kes-kes tersebut termasuk kelalaian kakitangan semasa mengendalikan rawatan, kakitangan tidak mengikut prosedur yang telah ditetapkan bagi menjaga keselamatan pesakit, keleraahan dalam pengurusan rawatan.

- (b) Mengenai cara menuntut pampasan oleh keluarga/pewaris mangsa, mereka bolehlah mengemukakan tuntutan ke Kementerian ini untuk pertimbangan dan sekiranya

tidak berpuasa hati, mereka bolehlah mengemukakan kes ini ke mahkamah.

Kementerian ini tidak bercadang membeli insurans untuk melindungi kepentingan hospital, Pihak Kerajaan akan menanggung liabiliti kecuaiian pegawai-pegawainya. Jika terbukti pegawai berkenaaa melakukan kecuaiian, mereka akan dikenakan tindakan tata-tertib mengikut peraturan yang sedia ada dan Kerajaan boleh menuntut pegawai berkenaan membayar balik semua atau sebahagian daripada pampasan yang dibayar kepada mang? a/pewarisnya.

**PELAJAR BUMIPUTERA TIDAK CENDERURG BELAJAR -  
LAPORAN PEMANGKU PENGARAH PEHDIDIKAN NEGERI SELANGOR**

**14. Tuan Saidin bin Mohamad** minta Menteri Pendidikan menyatakan adakah Kerajaan mengambil perhatian serius di atas kenyataan yang dipaparkan melalui akhbar-akhbar oleh Pemangku Pengarah Pendidikan Negeri Selangor mengenai 96% pelajar bumiputera tidak bersemangat untuk belajar khasnya dalam negeri Selangor dan saya mendapat maklumat beberapa buah negeri lain juga terdapat keadaaa demikian.

**9.6.93**

**28. Datin Hajah Wan Intan binti Hajah Wan Ahmad Tajuddin** minta Menteri Pendidikan menyatakan sama ada benar sebagaimana yang dinyatakan dala satu laporan baru-baru **ini**, ramai anak-anak Melayu tidak cenderung hendak belajar. Jika benar, nyatakan:

- (a) langkah-langkah yang akan diambil untuk mengatasi masalah ini;
- (b) sama ada guru-guru akan diberi kursus-kursus khas untuk menjalin keberkesanan mereka dalam bilik darjah; dan
- (c) sama ada kekerapan menukar Kurikulum Pendidikan juga membawa kepada kehilangan minat di kalangan pelajar; dan
- (d) sama ada segelintir guru-guru sudah tidak minat untuk mengajar.

**Tuan Ong Ka Ting:** Tuan Yang di-Pertua, dengan izin, oleh kerana terdapat dua soalan berhubungkait dan mempunyai maksud yang sama, iaitu soalan Yang Berhormat Tuan Saidin bin Mohamad pada hari ini dan juga soalan daripada Yang Berhormat Datin Hajah Wan Intan binti Haji Wan Ahmad Tajuddin pada 9hb Jun, 1993, saya mohon agar kedua-dua soalan ini dijawab secara serentak.

Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya kajian yang menyentuh kadar pelajar bumiputera yang dikatakaa 96% daripadanya tidak bersemangat untuk belajar merupakan satu tinjauan kasar yang dibuat di negeri Selangor. Namun demikian, Kementerian Pendidikan memang memandang serius terhadap laporan iai dan sedang menjalankan kajian selanjutnya,

**Datin Hajah Wan Intan binti Haji Wan Ahmad Tajuddin:** Tuan Yang di-Pertua, saya ingin bertanya mengapa dan apakah sebabnya, apa sudah jadi 96% pelajar-pelajar khasnya bumiputera yang di dalam negeri Selangor sudah tidak berminat untuk belajar lagi. Bukankah guru-guru yang mengajar itu begitu pandai, bijak, cerdik dan pengalaman yaag begitu mendalam kenapa anak-anak murid khasuya bumiputera yang begitu lemah sekali?

Yang kedua, adakah sebab bertukar-tukar cara pelajaran yang membuat anak-anak sekolah sudah jemu ataupun ada perkara-perkara yang lain? Pada saya, saya menganggap perkara ini bukan lagi serius, kalau seorang pesakit seperti sudah tenat rasa saya. Kita patuu mengambil tindakan sebegitu cergas sekali. Kalau tidak, menganiaya sahaja anak-anak kita yang tidak mahu bersekolah. Ini memang benar, yaag saya dapat ketahui. bahkan bukan. di negeri Selangor sahaja, mungkin di negeri-negeri yang lain.

**Tuan Ong Ka Ting:** Taan Yang di-Pertua, seperti yang telah saya sebutkan tadi iaitu Kementerian Pendidikan sedang dalam proses mengkaji dengan selanjutnya. Jadi, apakah sudah jadi, sama ada ini



adalah faktor guru atau cara-cara pembelajaran dan, sebagainya, saya rasa cunggulan kajian di mana apabila disempurnakan dapat tahulah. kita apa sebabnya dan tindakan selanjut yang akan diambil dari **situ**.

**Tuan Yang di-Pertua:** Datin Hajah Wan Intan.

**Datin Hajah Wan Intan binti Haji Wan Ahmad Tajuddin:** Tuan Yang di-Pertua, maksud saya kalau daripada guru - soalan tambahan....

**Tuan Yang di-Pertua:** Ini soalan asal.

**Datin Hajah Wan Intan binti Haji Wan Ahmad Tajuddin;** Soalan saya nombor 15.

#### JURURAWAT PELATIH TAMBAHAN BILANGAN

15. **Datin Hajah Wan Intan binti Haji Wan Ahmad Tajuddin** minta Menteri Kesihatan menyatakan sama ada Kerajaan bercadang hendak memperbanyakkan bilangan peserta kursus jururawat di pusat-pusat latihan jururawat di seluruh negara memandangkan bahawa pada masa ini bilangan jururawat terlatih yang ada di hospital-hospital di negara ini tidak mencukupi hinggakan Kerajaan terpaksa mengambil jururawat negara-negara asing untuk berkhidmat di sini.

**Dato' K. Kumaran;** Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Kesihatan Malaysia telah dan sedang mengambil langkah-langkah yang perlu bagi menambah bilangan pengambilan jururawat pelatih di semua sekolah-sekolah latihan di Semenanjung, Sabah dan Sarawak. Ini dilakukan dengan cara membuka sekolah-sekolah latihan baru, menaik taraf Sekolah Latihan Penolong Jururawat kepada Sekolah Latihan Jururawat serta memperbaiki kemudahan-kemudahan di sekolah-sekolah yang sedia ada.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pengambilan jururawat pelatih telah bertambah dan 750 orang pada tahun 1990 kepada 1,309 orang pada tahun 1992. Pada tahun 1993, dijangkakan seramai 140,000 orang akan dilatih oleh pihak Kementerian.

#### TANAH SAWAH TERBIAR - PEMULIHAN

16. **Puan Rosalind Yau Shuk Meng** minta Menteri Pertanian menyatakan mengenai jumlah keluasan tanah terbiar yang masih terdapat di luar bandar dan apakah rancangan Kerajaan untuk membantu menguruskan tanah terbiar ini bagi menambah pengeluaran pertanian negara.

**Timbalan Menteri Pertanian [Dato' S. Subramaniam:** Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, bagi tanah sawah terbiar, data terakhir pada tahun 1986 menunjukkan bahawa keluasan-nya adalah dianggarkan sebanyak 91,000 hektar. Kementerian Pertanian sehingga kini telah memulihkan tanah sawah terbiar sejumlah lebih kurang 30,000 hektar.

Selain dari itu, daripada jumlah 565,140 hektar tanah terbiar bagi seluruh negara, FELCRA sehingga kini telah memajukan seluas 93,084 hektar. Dalam usaha menggalakkan petani mengusahakan semula tanah sawah terbiar tersebut dan menambah pengeluaran pertanian negara, Kerajaan menyediakan program bantuan asas dari segi penyediaan dan pemuliharaan infrastruktur khususnya pengairan dan saliran di kawasan jelapang padi. Kerajaan juga menggalakkan penubuhan mini estet padi yang dikendalikan oleh Pertubuhan Peladang Kawasan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pengusahaan sawah.melalui mini estet padi melibatkan. pengurusan secara pusat di mana pegawai-pegawai. yang terlibat adalah juga dipinjamkan dari agensi-agensi Kerajaan seperti Lembaga Pertubuhan Peladaag. Melalui mini estet padi juga, pengusahaan sawah dilakukan. secara saintifik dan moden seperti penggunaan baja yang betul, racun-racun serangga dan jentera untuk merata tanah dan menuai.

**Tuan Yang di-Pertua:** Masa sudah cukup.

**[Masa untuk. Pertaayaan bagi Jawab Mulut telah cukup dan Jawapan bagi Pertanyaan No.17 hingga 50 akan dimasukkan dalam naskah bercetak. kelak]**

## RANG UNDANG-UNDANG

## RANG UNDANG-UNDANG PERLEMBAGAAN (PINDAAN) (NO.2) 1993

## Bacaan Kali Yang Kedua

**3.37 ptg.**

Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri [Tuan. Douglas Uggah Embas]; Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan supaya Rang Undang-undang Perlembagaan (Pindaan) (No. 2) 1993 dibacakan kali yang kedua sekarang.

Tujuan Fasal 2 Rang Undang-undang ini ialah bagi meminda Perkara 113 Perlembagaan Persekutuan. Mengikut peruntukan-peruntukan Perkara 113 yang sedia ada, Suruhanjaya Pilihanraya di bawah Fasal (2) boleh menjalankan ulangkaji bahagian-bahagian pilihanraya bagi seluruh Malaysia. Di samping itu, Suruhanjaya Pilihanraya melalui perenggan kecil (i), Fasal C3A) Perkara 113 boleh juga menjalankan urusan persempadanan bahagian-bahagian pilihanraya di negeri-negeri di mana bilangan. Ahli Dewan Rakyat atau Dewan Undangan Negeri ditambah dengan adanya pindaan kepada Perkara 46 dan juga melalui satu Rang Undang-undang negeri.

Walau bagaimanapun, ulangkaji di bawah Perkara 113(2) pada lazimnya berlaku selepas lapan tahun berlalu dari tarikh siapnya kajian semula yang terakhir yang dijalankan di bawah Fasal (2) Perkara 113. Didapati keadaan boleh wujud di mana pertambahan dibuat kepada keanggotaan Dewan Rakyat di bawah Perkara 46

Perlembagaan Persekutuan atau keanggotaan sesuatu Dewan Undangan Negeri melalui suatu undang-undang yang dibuat oleh badan perundangan negeri itu berlaku, selepas sahaja lapan tahun berlalu dari tarikh siapnya kajian semula yang terakhir yang dijalankan menurut Fasal (2) Perkara 113.

Di dalam keadaan sedemikian, dari segi teorinya, Suruhanjaya Pilihanraya boleh menjalankan ulangkaji sama ada di bawah Fasal (2) Perkara 113 ataupun di bawah perenggan (i) Fasal (3) Perkara 113. Walau bagaimanapun, Jika ulangkaji di bawah Fasal (2) Perkara 113 dan di bawah perenggan (i) Fasal (3) Perkara 113 dijalankan serentak, ini bermakna bahawa mekanisma adalah sama dan akan menyebabkan ulangkaji yang hendak dijalankan bertindih dari segi bahagian yang hendak dipersempadankan oleh kerana bahagian-bahagian pilihanraya yang terlibat dengan pindaan di bawah Perkara 46 akan merupakan sebahagian dari bahagian-bahagian yang akan diulangkaji sempadannya jika ulangkaji dijalankan di bawah Fasal (2) Perkara 113 itu.

Dengan itu, didapati adalah wajar bahawa sekiranya Suruhanjaya Pilihanraya berpendapat satu kajian semula bagi seluruh negeri di bawah Fasal (2) Perkara 113 lebih bertaedah, Suruhanjaya Pilihanraya hendaklah diberi kuasa untuk menjalakan kajian semula di bawah Fasal (2) itu tanpa mengira bahawa pertambahan bilangan Ahli di bawah Perkara 46 akan memerlukan Suruhanjaya mengendali kajian semula mengikut Fasal (3A), Perkara 113 Perlembagaan Persekutuan. Dalam mengendalikan kajian semula itu di bawah Fasal (2) Perkara 113, Suruhanjaya Pilihanraya perlu mengambilkira sempadan mana-mana bahagian pilihanraya yang terlibat berikutan dengan pindaan kepada Perkara 46 Pelembagaan Persekutuan itu.

Fasal 3 Rang Undang-undang ini bertujuan untuk meminda Seksyen 22, Jadual Kelapan. Sebagaimana Ahli-ahli Yang Berhormat sedia maklum, melalui Akta Perlembagaan (Pindaan) 1993 (Akta A848), satu peruntukan baru iaitu seksyen 1A telah dimasukkan ke dalam Jadual Kelapan. Peruntukan ini menyentuh soal prosiding terhadap Raja di mana tidak terpakai bagi negeri-negeri Melaka, Pulau Pinang, Sabah dan Sarawak.

Ada beberapa peruntukan di dalam Jadual Kelapan, iaitu bahagian yang terpakai bagi Perlembagaan-perlembagaan Negeri yang tidak terpakai bagi negeri-negeri Melaka, Pulau Pinang, Sabah dan Sarawak. Dengan itu, piadaan berbangkit ini perlu dibuat untuk menjelaskan bahawa seksyen 1A berhubung dengan prosiding terhadap Raja juga tidak terpakai bagi negeri-negeri tersebut.

Fasal 4 Rang Undang-undang ini adalah berkaitan dengan pindaan kepada Perkara 113 Perlembagaan Persekutuan. Dengan adanya peruntukan Fasal (3B) yang baru, pindaan berbangkit perlu dibuat kepada Akta Perlembagaan (Pindaan) 1992 iaitu (Akta A837) untuk memansuhkan seksyen 3 di mana Suruhanjaya Pilihanraya dikehendaki menjalankan ulangkaji mengikut perenggan ( i) Fasal (3A) Perkara 113 sahaja. Jika berlakunya pertambahan bilangan Ahli Dewan Rakyat dari Dewan Undangan Negeri, pemansuhan itu juga hendaklah mula berkuatkuasa secara kebelakangan pada tarikh yang sama dengan penguatkuasaan peruntukan Fasal (3B) yang baru itu.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

**Setiausaha Parlimen Kementerian Kewangan. [Tuan Mustapa bin Mohamed]:** Tuan. Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah di hadapan Majlis ialah Rang Undang-undang bernama suatu Akta untuk meminda Perlembagaan Persekutuan, dibacakan kali yang kedua sekarang dan terbuka untuk dibahas. Yang Berhormat Tuan Haji Mohamed Nazri. 3.42 ptg.

**Tuan Haji Mohamed Nazri bin Abdul Aziz:** Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan berbanyak terima kasih kerana diberi kesempatan untuk memberi sedikit pandangan dalam soal Perlembagaan Persekutuan yang hendak dipindahkan. Saya menyokong, tetapi sebelum saya menyokong, saya **ingin** memberi sedikit pandangan saya.

Pertamanya, saya kira bahawa perkara iai terpaksa dipinda dan dibawa sekarang disabitkan oleh kerana ia tidak dapat lepas dalam sesi Parlimen yang lalu dan juga kerana ada sebuah negeri yang telah tidak bersetuju supaya cadangan daripada kita ini dibuat di peringkat negeri, iaitu di Negeri Pulau Pinang yang mana Dewan Undangan Negeri Pulau Pinang telah tidak meluluskan dengan majoriti 2/3, sebab itu perkara ini terpaksa ditolak. Saya ingin menyatakan di sini bahawa Suruhanjaya Pilihanraya adalah satu badan yang bebas. Ianya tidak dipengaruhi oleh mana-mana pihak, sama ada pihak Pembangkang ataupun oleh pihak Kerajaan. Maka justeru **itu**, sepatutnya apa juga yang telah dicadangkan oleh pihak Suruhanjaya Pilihanraya, seharusnya mestilah diterima oleh semua pihak dengan hati yang terbuka. Saya percaya bahawa kalau ada pihak yang tidak menyokong

apa yang telah di cadangkan oleh Suruhanjaya Pilihanraya, bermakna pihak itu mempertikaikan tentang kebebasan badan, yang tersebut.

Tuan Yang di-Pertua, soal sepatutnya sama ada perkara ini hendak dilulus ataupun tidak oleh Dewan Undangan Negeri ataupun Dewan Rakyat, sepatutnya tidak berbangkit. Pertamanya, sepertimana yang telah saya sebutkan sebentar tadi bahawa cadangan yang datang daripada Suruhanjaya Pilihanraya adalah cadangan yang "neutral", dengan izin, tidak ada "bias", dengan izin, dan' dia merupakan satu badan yang bebas dan tidak memihak kepada mana-mana pihak. Hanya yang perlu dilakukan oleh Dewan Rakyat, Dewan Negara dan juga Dewan Undangan Negeri ialah untuk menukar, meminda Perlembagaan kerana hendak menambatkan jumlahnya sahaja. Sepatutnya Dewan Rakyat, Dewan Negara dan juga Dewan Undangan Negeri sepatutnya tidak seharusnya menolak, kerana cadangan Suruhanjaya Pilihanraya ini adalah cadangan yang neutral, yang datang daripada badan yang bebas. Jadi, kalau sekiranya ada pihak yang menolak cadangan ini, bermakna daripada badan mana lagi yang kita hendak? Semua pihak harus menerima hakikat bahawa negara kita bertambah penduduk. Apabila bertambah penduduk, bermakna bahawa akan bertambahlah pengundi-pengundi. Bertambah pengundi-pengundi memerlukan lebih banyak suara yang ditambahkan kepada Dewan Rakyat. Itu adalah satu proses yang biasa dan yang neutral. Jadi, saya merasakan agak begitu kecewa kerana ada pihak dalam Dewan Rakyat dan juga di Dewan Undangan Negeri yang tertentu, yang tidak menerima cadangan yang diberikan oleh pihak Suruhanjaya Pilihanraya ini.



Saya mahu supaya Kerajaan memikirkankan satu mekanisme yang mana bahawa kalau cadangan yang datang daripada Suruhanjaya Pilihanraya untuk menambahkan jumlah kerusi, sama ada di Dewan Rakyat ataupun di Dewan Undangan Negeri, hanya haruslah diterima. Kerana sepertimana yang kita tahu, kita hanya memerlukan perkara ini disokong dalam Dewan Undangan Negeri dan juga dalam Dewan Rakyat ataupun Dewan Negara, semata-mata kerana hendak pinda angka sahaja. Kalau tidak, kita pinda angka yang ada dalam Perlembagaan itu, maka sudah tentu kita tidak perlu membawa perkara ini dalam Parlimen. Sebab bermakna, kalaulah ada pihak yang dapat menahan Suruhanjaya Pilihanraya daripada melaksanakan tanggungjawab mereka, bermakna Suruhanjaya Pilihanraya tidak bebas. Kalau sekiranya bahawa angka yang wujud di dalam Perlembagaan itu, kalau pindaan kepada angka itu tidak memerlukan kepada 2/3 kelulusan daripada Dewan Rakyat, Dewan Negara dan juga Dewan Undangan Negeri, saya percaya perkara itu tidak perlu dibawa masuk ke dalam Dewan, sebab Suruhanjaya Pilihanraya adalah badan yang bebas. Jadi, saya rasa kalau ada pihak yang lain boleh menahan pula Suruhanjaya Pilihanraya daripada menjalankan tugas mereka dengan bebas, bermakna Suruhanjaya Pilihanraya tidak bebas. Jadi, ini satu perkara yang harus kita fikirkan yang mana bahawa dalam soal menambahkan kerusi **ini**, seharusnya dan sepatutnya tidak boleh ditolak oleh Dewan Negara, Dewan Rakyat ataupun Dewan Undangan Negeri untuk menunjukkan bahawa Suruhanjaya Pilihanraya ini bebas.

Saya telah jelaskan sebentar tadi bahawa ianya hanya dibawa ke Dewan semata-mata kerana hendak pinda Perlembagaan sahaja, kerana hendak tukar angka itu sahaja, sebab segala pindaan Perlembagaan itu

mesti dibuat di dalam Dewan Rakyat, Dewan Negara dan Dewan Undangan Negeri. Jadi, bukanlah satu perkara yang begitu, besar, yang harus diputuskan oleh Dewan. Tetapi, oleh kerana sepertimana yang telah saya sebutkan, apa juga pindaan, sama ada komakan, noktahkan yang hendak dibuat kepada Perlembagaan itu memerlukan kepada 2/3, maka itulah sahaja sebabnya mengapa perkara ini dibawa ke dalam Dewan. Sepatutnya kalau mengikut pandangan saya, kalau dikatakan bahawa Suruhanjaya Pilihanraya ini adalah bebas, maka dia bebas. Dia hendak kata bahawa 10 tahun daripada sekarang tambah 20 kerusi lagi-kah, 30 kerusikah, itu terpulang kepada dia. Kalau dia terpaksa minta keputusan kita, bermakna dia tidak bebas, bermakna dia dikuasai oleh kita, sama ada Kerajaan ataupun Pembangkang.

Jadi, inilah yang saya hendak membangkitkan perkara ini supaya pihak Kerajaan memikirkan satu mekanisma yang mana jadikan Suruhanjaya Pilihanraya ini benar-benar Suruhanjaya yang bebas dan pindaan kepada jumlah angka itu, di mana yang boleh, kalau boleh, pinda tanpa ianya dibawa ke dalam Dewan, kalau bolehlah. Sebab saya sebut sebentar tadi semata-mata dibawa ke Dewan, kerana hendak tukar angka sahaja, bukan hendak minta kebenaran sama ada kita setuju ataupun tidak setuju bahawa kerusi ini ditambah, bukan minta kelulusan daripada kita sebenarnya. Sebab kalau dia minta kelulusan daripada kita, bermakna dia tidak bebas. Bila dia tidak bebas, kita kontrol dia. Jadi, ini hujah saya mengapa saya rasakaa bahawa perkara ini penting, kerana kalau perkara ini boleh dilakukan maka ianya sudah tentu dapat diluluskan, dalam masa dahulu. Sekarang ini kita tahu bahawa tidak dapat lulus kerana tidak ada persetujuan dari setengah-setengah pihak yang ada dalam Dewan.

Kedua, kalau sekiranya rnekanisma yang telah saya sebutkan sebentar tadi tidak dapat dipertimbangkan, maka saya ingin menca-dangkan iaitu kalau sekiranya sesuatu itu telah diputuskan oleh Dewan Rakyat, maka dia secara otomatik mesti diluluskan di peringkat negeri.

Saya tidak faham macam mana kalau kita memutuskan bahawa sese-buah negeri itu ditambahkan kerusi Parlimennya kepada dua. Tetapi di Dewan Undangan Negeri kerana ada pembangkang yang tidak ber-setuju dengan pertukaran itu, maka tidak boleh dibuat di peringkat negeri. Jadi, macam mana kita hendak aturkan kerusi Dewan Undangan Negeri itu duduk dalam kerusi Parlimen.

Hari ini kiea tahu ada negeri-negeri satu kerusi Parlimen, dua kerusi Dewan Undangan Negeri. Satu Parlimen ada tiga kerusi Dewan Undangan Negeri, satu kerusi Parlimen ada empat kerusi Dewan Undangan Negeri. Sebagai contoh katalah di Pulau Pinang, kita telah luluskan untuk menambahkan dua kerusi Parlimen, tetapi di peringkat Negeri dia tidak berubah sempadan, macam mana kita hendak selaras-kan? Sebab itu saya merasakan iaitu bahawa soal sama ada negeri ita terpaksa 'akur' ataupun tidak kepada keputusan Dewan Rakyat, saya rasa mesti 'akur', kerana Dewan Rakyat itulah satu badan yang besar. Di antara Dewan Rakyat dengan Dewan Negeri, apakah Dewan

Negeri boleh 'frustrate', dengan izin, keputusan Dewan Rakyat. Saya rasa ini kita harus fikirkan sebab ini adalah soal politik, dan sebenarnya orang-orang yang telah menggubal Perlembagaan kita tidak pernah terfikir iaitu akan wujud segolongan ahli politik pembangkang yang singkat pemikirannya, sehinggakan apa juga yang dibuat oleh Kerajaan itu akan dibangkang oleh mereka. Kita tidak terfikir dan penggubal Perlembagaan juga tidak terfikir akan wujudnya manusia seperti ini, tetapi oleh kerana pada ketika ini hakikat atau realiti wujudnyapembangkang yang tidak tentu arah, seperti yang wujud di Sabah, di Pulau Pinang dan juga di Kelantan, yang akan sentiasa menentang apa juga Kerajaan buat. Maka kita harus fikir kembali macam mana kita hendak menyelesaikan masalah **ini**, kerana apa? Kerana kalau ia berlaku sekarang, saya yakin dan percaya mungkin 10 tahun daripada sekarang ia akan berlaku **iagi**. Sebab dalam soal ini, mungkin soal 'jurisprudence'kah atau sebagainya di antara keputusan Dewan Rakyat dengan Dewan Undangan Negeri, mana yang lebih kuat?

Saya pun tidak faham iaitu di negara kita ini ada pula Perlembagaan Negeri. Kalau Perlembagaan Negeri bercanggah dengan Perlembagaan Persekutuan macam mana, yang mana kita hendak dengar? Soalnya ialah percanggahan iaitu bahawa di dalam Dewan Rakyat, kita lulus katakanlah 7 kerusi Parlimen dengan 14 kerusi Dewan Undangan Negeri, tetapi pihak negeri tidak mahu terima. Dalam Perlembagaan Negeri hanya kata 5 kerusi Parlimen, cuma 10 kerusi Dewan Undangan Negeri sahaja, bermakna ini bercanggah. Jadi, percanggahan ini

berlaku di antara Perlembagaan Negeri dengan Perlembagaan Malaysia yang mana harus mengatasi. Ini kita kena selesai sebab kalau kita tidak selesaikan perkara **ini**, bermakna bahawa Perlembagaan kita ini tidak teratur dan kita kata iaitu bahawa Perlembagaan Malaysia itu supreme, tetapi bila dibawa ke negeri, ia tidak supreme, sebab Dewan Undangan Negeri boleh membangkang apa yang celah diputuskan oleh Dewan Rakyat.

Tuan Yang di-Pertua, saya rasa pihak Kementerian harus memandang serius perkara **ini**, kerana mungkin di masa yang lalu perkara ini tidak berbangkit, kerana di peringkat Malaysia kita menguasai 2/3, dahulunya di negeri-negeri kita menguasai Kerajaan Negeri dengan 2/3, tetapi keadaan sudah berubah.

Hari ini ada dua negeri yang tidak dikuasai oleh kita dan ada satu negeri yang mana kita kuasai, tetapi tidak ada 2/3 majoriti. Sebab itu, kita harus fikir kembali kerana untuk menjaga nama baik Suruhanjaya Pilihanraya ini yang sememangnya bebas, biarlah mereka benar-benar bebas, biarlah segala cadangan yang diberi oleh mereka itu adalah satu cadangan yang bebas, yang harus diterima oleh semua Dewan. Oleh kerana itu, kita harus fikir kembali mekanisma alternatif supaya perkara ini tidak akan berbangkit di masa-masa yang akan datang.

Dengan hujah-hujah itu, saya ingin menyatakan iaitu saya berdiri adalah untuk menyokong Rang Undang-undang Perlembagaan (Pindaan) (No.2) 1993. Terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Dipersilakan Dato' Azumu bin Tak.

3.55 ptg.

**Dato' Azumu bin Tak:** Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin turut serta berdiri untuk menyokong Rang Undang-undang bernama Suatu Akta untuk meminda Perlembagaan Persekutuan ini.

Tuan Yang di-Pertua, adalah terkenal bahawa Suruhanjaya Pilihanraya negara kita adalah Suruhanjaya yang bebas dan mempunyai kakitangan yang cekap untuk menjalankan urusan-urusan pentadbiran, dan urusan-urusan pilihanraya di negara kita, semenjak kita mengadakan beberapa kali pilihanraya. Sehingga baru-baru ini kita telah menolong negara lain untuk menjalankan kerja-kerja pilihanraya mereka. Maka dengan itu saya ingin mengambil peluang ini untuk mengucapkan tahniah kepada Pengerusi Suruhanjaya Pilihanraya dan Ahli-ahli Suruhanjaya Pilihanraya negara kita tentang kecekapan dan penghormatan yang telah diberi oleh negara luar terhadap Suruhanjaya tersebut.

Saya menyokong Rang Undang-undang Perlembagaan (Pindaan) ini supaya diluluskan pada hari ini. Cuma saya hairan kenapa angka '8' tahun baru boleh kita benarkan buat kajian. Perkara ini sudah lama ada dalam Perlembagaan kita, tetapi tidakkah boleh angka ini diubah daripada '8' hingga '15' tahun misalannya. Kerana kalau banyak sangat atau selalu sangat kajian dibuat, keraungkinan kesusahan bagi kita hendak mengetahui pada pilihanraya kita yang pertama di suatu kawasan 'A' misalannya, tetapi apabila kajian dibuat pada kali yang kedua atau pilihanraya yang kedua, maka kita tukar kawasan yang lain. Ini menyusahkan para pengundi, mungkin parti-parti politik

boleh memberitahu di mana seseorang pengundi itu membuang undi, tetapi nama kawasan itu adalah penting, kerana ianya ada juga perasaan sentimental kepada setiap seorang pengundi itu dan juga Ahli Parlimen yang berkenaan. Jika kerap sangat pertukaran berlaku ianya akan menjadi masalah dari segi pengetahuannya dan juga daripada segi urusan-urusan peribadi pengundi yang berkenaan.

Saya bersetuju dengan pendapat sahabat saya Yang Berhormat Senator Tuan Haji Mohamed Nazri bin Abdul Aziz tadi mengenai kuasa Dewan Rakyat dan Dewan Negara ini. Kita hairan apabila Dewan Negara dan Dewan Rakyat telah meluluskan bilangan kerusi bagi sesuatu kawasan di peringkat Parlimen dan juga di peringkat Negeri, tetapi ada pula negeri yang membantah, yang tidak mahu bersetuju tentang perkara itu.

Saya ingin bertanya bagaimana implikasinya? Pada hari ini kita terbaca bahawa DAP telah menyatakan dengan terang-terang bahawa ia akan mencadangkan di Dewan Undangan Negeri Pulau Pinang untuk meminta Kerajaan menambah kerusi Dewan Undangan Negeri kepada 6 buah kerusi lagi. Walhal pada bulan November tahun yang lalu, Dewan itu telah membincangkan untuk menambah 3 buah kerusi lagi dan ditolak oleh ahli-ahli DAP sehinggakan Rang Undang-undang itu tidak dapat diluluskan, kerana tidak mendapat undi 2/3 daripada Dewan yang mulia itu. Tetapi pada hari ini parti yang sama pula berkehendakan kerusi yang lebih untuk negeri itu dan dia juga berkehendakan kerusi Parlimen dua buah lagi. Tetapi masalahnya atau soal prinsipnya DAP bersetuju supaya ditambah bilangan kerusi di kawasan Negeri Pulau Pinang. Kenapa apabila dibentangkan oleh Kerajaan raereka tidak bersetuju? Ini membuktikan kepada kita bahawa DAP ini bukanlah sebuah parti yang hendak memperjuangkan kehendak-kehendak rakyat, tetapi cuma untuk kepentingan peribadi pemimpin-pemimpin mereka.

Saya berharap supaya Kerajaan dapat bertindak sesuatu terhadap pemimpin-pemimpin seumpama ini supaya mereka itu lebih sedar dan lebih bertanggungjawab terhadap rakyat di dalam negara kita ini.

Saya bersetuju pendapat Yang Berhormat Tuan Haji Mohamed Nazri tadi supaya bagaimana kita boleh menguatkan peruntukkan Perlembagaan kita di dalam membincangkan untuk membenarkan SPR mengkaji kawasan-kawasan pilihanraya ini. Sepatutnya Dewan Undangan Negeri-negeri tidak ada kuasa langsung untuk membincangkan apa yang kita sudah putuskan, maka mereka terpaksa menerima bulat-bulat.

Semua rakyat di negara ini berpuashati dengan apa yang saya katakan tadi terhadap pentadbiran Suruhanjaya Pilihanraya ini dan segala kajian-kajian yang mereka buat di masa-masa yang lalu telah memuaskan semua rakyat di negara ini. Oleh itu, kenapakah ada pemimpin-pemimpin di peringkat negeri harus mempertikaikan keputusan Suruhanjaya Pilihanraya ini? Tuan Yang di Pertua, saya menyokong pindaan Perlembagaan ini,

**Tuan Yang di-Pertua, saya menyokong pindaan Perlembagaan ini,**  
terima kasih.

**Tuan Yang diPertua:** Yang Berhormat Tuan Haji Salleh bin Ali.

**4.01ptg.**

**Tuan Haji Salleh @ Hassan bin Ali:** Tuan Yang di-Pertua, saya menyokong usul yang telah dicadangkan dan saya juga ingin bercakap tentang kebebasan SPR untuk menentukan penambahan Kerusi dan juga persempadanan kawasan.



SPR merupakan satu badan yang amat bebas dan di atas kebebasan inilah sama ada calon-calon daripada parti Kerajaan ataupun parti Pembangkang telah mencapai kemenangan. Maka adalah tidak logik kiranya terdapat parti-parti Pembangkang membangkang di atas kebebasan yang telah diperolehi oleh Suruhanjaya Pilihanraya - amat memalukan kita. Oleh sebab kebebasan Suruhanjaya inilah maka mereka ini telah mendapat tempat di Dewan Rakyat dan di Dewan Negeri, akan tetapi mereka ini telah membangkang balik di atas kebebasan yang telah mereka nikmati. Ini -adalah satu perkara yang amat memalukan.

Di samping itu, saya juga ingin mencadangkan supaya SPR dapat mengkaji dan mengserapadankan kawasan-kawasan bukanlah mengikut jumlah pengundi tetapi juga perlu diambilkira keluasan kawasan, kerana khidmat Wakil-wakil Rakyat amatlah perlu. Sekiranya sesuatu kawasan itu terlalu luas dan kawasan itu tidak mempunyai kemudahan asas yang secukupnya, maka adalah amat sukar bagi Wakil-wakil Rakyat yang dipilih untuk memberi khidmat dengan baik dan sempurna. Adalah dicadangkan persempadanan kawasan pilihanraya ini dapat dikaji dengan sebaik mungkin supaya dapat ditirabangkan dan kepada kepentingan rakyat itu sendiri dapat diberi khidmat yang baik.

Saya, dengan ini menyokong usul yang dicadangkan. Sekian.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Tuan Hanipah bin Ahmad.

#### 4.05 ptg.

**Tuan Hanipah bin Ahmad:** Tuan Yang di-Pertua, saya juga bangun untuk mengambil kesempatan membahas Rang Undang-undang Perlembagaan (Pindaan) yang dibawa pada hari ini.

Tuan Yang di-Pertua, sepertimana yang diperkatakan oleh saudara-saudara saya tadi, SPR adalah satu badan yang bebas dan saya raerapercayai semua tindakan-tindakan yang telah diambil oleh SPR adalah memenuhi kehendak keadilan rakyat di negara kita **ini**. Oleh sebab itulah perhatian khusus diberikan supaya penyemakan kawasan pilihanraya diadakan untuk memberi peluang kepada rakyat menyempurnakan hak-hak selaku warganegara di negara Malaysia.

Saya juga bersetuju dengan pendapat yang disuarakan oleh saudara saya tadi supaya pihak SPR, khususnya pihak Kerajaan mencari jalan atau mengadakan satu mekanisme yang membolehkan supaya keunggulan Dewan Rakyat dan Dewan Negara ini menjadi satu keputusan yang muktamad, tidak lagi perlu untuk kita bawa kepada peringkat negeri untuk menentukan satu kaedah yang lain di dalam penentuan perkara-perkara yang sebegini.

Saya juga mengharapkan supaya SPR sepertimana yang kita difahamkan adalah satu badan yang bebas dan di atas kebebasan SPR, inilah yang membolehkan perjalanan pilihanraya di negara kita ini dapat berjalan dengan begitu baik dan dengan kebaikan inilah ada negara-negara yang ingin mendapatkan khidmat daripada SPR bagi membolehkan negara-negara yang berkenaan juga dapat menjalankan kaedah pilihanraya yang sama yang telah dijalankan di negara kita.

Kita juga mengharapkan, disebabkan pilihanraya ini melibatkan pengundi-pengundi, maka kita mengharapkan supaya SPR akan mengambil perhatian supaya Daftar Pengundi akan dapat disempurnakan supaya ia dapat menyempurnakan kaedah-kaedah yang begitu baik semasa pilihanraya diadakan.

Perkara yang akan dipertikaikan nanti, sepertimana yang diperkatakan oleh saudara saya Yang Berhormat Tuan" Haji Mohamed Nazri tadi, apabila kedudukan peraturan ini dibawa pula di peringkat negeri. Kerana kita memahami pada hari ini satu kenyataan dari negeri Pulau Pinang iaitu satu suara daripada DAP mengatakan, pada Dewan yang akan datang DAP akan membawa satu cadangan supaya tambahan Kerusi' diadakan untuk Dewan Negeri sebanyak 6 buah yang mana pada masa yang lepas satu cadangan untuk menambah sebanyak 3 buah Kerusi dan saya percaya ini akan menjadi satu perkara yang akan dipertikaikan balik di peringkat Dewan Undangan Negeri Pulau Pinang.

Saya percaya, SPR dengan kebijaksanaan yang ada dan juga Kerajaan akan mencari jalan supaya perkara-perkara yang ditimbulkan ini tidak akan menggugat kedudukan SPR dan juga Kerajaan sendiri. Oleh yang demikian, saya raenyokong di atas pindaan ini dan saya berharap kebijaksanaan SPR akan mendapat sokongan daripada semua golongan rakyat di negara Malaysia. Sekian, terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Tuan K. Munisamy.

**4.08 ptg.**

**Tuan K. Munisamy:** Tuan Yang di-Pertua, sebelum saya menyokong Rang Undang-undang yang bernama suatu Akta untuk meminda Perlembagaan Persekutuan, saya ingin membuat sedikit cadangan, iaitu dengan menambahkan Fasal baru (3B), Suruhanjaya Pilihanraya dapat menambahkan anggota Dewan Rakyat dan Dewan Undangan Negeri.

Tuan Yang di-Pertua, sejak tahun 1955, bilangan anggota Dewan Rakyat dan Dewan Undangan Negeri semakin bertambah supaya mengambil kira mana-mana kawasan pilihanraya yang tertentu olah pertambahan

itu. Bilangan anggota dalam Kabinet Kerajaan Barisan Nasional juga bertambah. Sebaliknya bilangan anggota Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri tidak bertambah. Apa yang saya hendak cadangkan di sini ialah Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri patut ditambah untuk memenuhi keperluan samasa. Pada pendapat saya penambahan ini dapat mengatasi masalah pertambahan beban kerja.

Tuan Yang di-Pertua, dengan ini saya menyokong Rang Undang-undang Perlambagaan (Pindaan) (No.2) 1993.

**Tuan Yang di-Pertua:** Tiada sesiapa lagi yang ingin berucap? Tiada! Saya minta Setiausaha Parlimen menjawab.

**4.09 ptg.**

**Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri [Tuan Douglas Uggah Embas]:** Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mengucapkan setinggi terima kasih kepada beberapa Yang Berhormat yang telah memberikan pandangan kepada pindaan Parlembagaan **ini**, iaitu Yang Berhormat Tuan Haji Mohamed Nazri, Yang Berhormat Tuan K. Munisamy, Yang Berhormat Tuan Haji Salleh dan Yang Berhormat Dato' Azumu bin Tak.

Saya ucap terima kasih atas pandangan dan teguran mereka dan ianya akan diambil perhatian oleh SPR. Saya hanya ingin menjawab beberapa perkara yang telah disentuh. Mulanya dengan ucapan dari Yang Berhormat Tuan Haji Mohamed- Nazri tadi dan beberapa Yang Berhormat yang menyentuh mengenai kebebasan SPR.

Memang termaktub dalam Perlembagaan kita, Suruhanjaya Pilihanraya di negara kita adalah satu badan yang bebas. Mereka bebas menjalankan tugas pilihanraya. Mereka juga bebas untuk menyusun semula persempadanan pilihanraya di negara kita. Kita berbangga kerana selama ini ada cubaan dari pihak-pihak yang tertentu, khasnya pihak Pembangkang untuk mempertikaikan kebebasan SPR ini. Tetapi selama ini mereka hanya dapat membuat tuduhan melulu tanpa bukti yang jelas. Juga mereka tidak ada bukti yang cukup untuk membuktikan bahawa SPR kita adalah tidak bebas. Tiap-tiap pilihanraya kita mendengar suara sumbang dari parti Pembangkang bahawa SPR ini tidak bebas. Tetapi kebebasan SPR adalah jelas apabila beberapa orang parti Pembangkang dapat duduk di Dewan Rakyat ataupun menang pilihanraya dan seterusnya mendapat kerusi dalam Dewan Undangan Negeri. Kalau SPR tidak bebas, kalau SPR bertindak hanya mengikut telunjuk Barisan Nasional, memang kita tidak boleh memberi mereka beberapa kerusi. Tetapi hakikatnya adalah bahawa SPR bebas menjalankan tugas. Apabila mereka menjalankan tugas, mereka haruslah menjalankan tugas mengikut apa yang termaktub dalam Perlembagaan kita.

Perlembagaan kita jelas memberi kuasa kepada SPR menentukan perjalanan pilinraya ataupun mengenai hal prosedur untuk membuat persempadanan, semula, ataupun mengenai hal pendaftaran pengundi-pengundi. SPR juga bertindak mengikut Perlembagaan dan bukan mengikut kehendak mana-mana parti politik ataupun atas desakan mana-mana pihak.

Saya ingin mengucapkan setinggi terima kasih atas ucapan sanjungan kepada SPR; dan SPR memang akan cuba sedaya-upayanya menjalankan tugas seboleh-bolehnya untuk menentukan bahawa demokrasi di negara kita ini sentiasa hidup dan subur, dan dapat kita banggakan sehingga....

**Tuan Haji Mohamed Nazri bin Abdul Aziz; [Bangun]**

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat, tunggu sebentar, ada yang minta penjelasan.

**Tuan Haji Mohamed Nazri bin Abdul Aziz:** Tuan Yang di-Pertua, saya hendak minta penjelasan sedikit. Yang Berhormat Setiausaha Parlimen menyebutkan bahawa ada tuduhan daripada pihak Pembangkang yang mengatakan kita mendesak Suruhanjaya dalam beberapa perkara. Sebelum saya bertanya, saya menyatakan di sini selama hari ini bahawa apa yang telah dicadangkan oleh Suruhanjaya Pilihanraya, kalau Suruhanjaya Pilihanraya kata tambah 20 Kerusi, maka Barisan Nasional bawa dalam Parlimen, maka kita adakan mesyuarat dan kita cadangkan 20 Kerusi Parlimen tambahan, itu maknanya kita telah diarah oleh Suruhanjaya - bukan kita desak Suruhanjaya Pilihanraya untuk menambah 20 Kerusi. Saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat iaitu ura-ura yang mengatakan bahawa dalam sidang Dewan Undangan Negeri Pulau Pinang yang akaa datang, DAP mahu cadangkan 6 Kerusi tambahan bagj. Dewan Undangan Negeri Pulau Pinang. Apakah cadangan ini merupakan desakan dan campurtangan daripada pihak DAP dalam perjalanan kebebasan Suruhanjaya Pilihanraya?

**Tuan Douglas Uggah Embas:** Tuan Yang di-Pertua, saya minta izin dari Yang Berhormat untuk menjawab perkara itu apabila saya sampai kepada isu DAP, kerana ianya telah disentuh oleh Yang Berhormat Dato' Azumu tadi.

Menyambung mengenai kebebasan pilihanraya, kita rasa berbangga kerana SPR telah berjaya menegakkan kebebasan pilihanraya - menegakkan hak rakyat sebagai rakyat Malaysia untuk membuat keputusan untuk menentukan sistem pemerintahan di negara kita ini. Kita juga berbangga kerana ada pula negara lain ingin hendak menggunakan pengalaman SPR untuk membentuk sistem pilihanraya di negara mereka. Itulah keutuhan dan kecekapan SPR. Ini terbukti sehingga pada satu pilihanraya dahulu pernah dijemput pemerhati dari luar negara untuk memerhatikan perjalanan pilihanraya kita dan mereka berpuas hati. Ini membuktikan bahawa perjalanan pilihanraya kita pada semasa itu adalah bebas, iaitu rakyat diberi peluang untuk memilih wakil mereka, untuk memilih bentuk pemerintahan mereka mengikut kehendak mereka tanpa apa-apa desakan atau penyelewengan seperti yang dituduh, oleh parti Pembangkang.

Tuan Yang di-Pertua, Tuan Haji Mohamed Nazri tadi juga menimbulkan mengenai perkara mengapa kita perlu membawa Akta ini kepada Dewan. Saya ingin menjelaskan di sini bahawa Akta ini pada hari ini selepas diluluskan oleh Dewan Rakyat, perlu dibawa kepada Dewan Negara untuk memberi kuasa kepada SPR untuk membuat persempadanan semula selepas pembatalan notis persempadanan semula yang telah diwartakan pada 26hb November, 1992 dibatalkan.

Untuk makluman Yang Berhormat, di sini pembatalan itu adalah perlu kerana pinak berkenaan telah mendapati bahawa ada pertindihan dalam undang-undang berkenaan. Tindakan, ini bukan kerana desakan ataupun kerana ada beberapa pihak yang tidak bersetuju. Parti Pembangkang memang cuba hendak mengambil kredit mengenai perkara ini dan membuat berbagai tuduhan. Tetapi sebenarnya, itu semua adalah tuduhan melulu, tidak benar, dan keputusan SPR untuk membatalkan notis persempadanan semula yang diwartakan pada 26hb November, 1992 adalah semata-mata untuk menentukan bahawa proses persempadanan kita adalah dijalankan mengikut lunas-lunas undang-undang. Kalau mereka tidak membatalkan notis pada masa itu, mungkin.....

**Dato' Azumu bin Tak:** [Bangun]

**Tuan Yang di-Pertua:** Ya.

**Dato' Azumu bin Tak:** Tuan Yang di-Pertua, penjelasan. Adakah dengan pembatalan itu, betulkan pendapat saya bahawa ini juga membuktikan kecekapan pentadbiran Suruhanjaya Pilihanraya kita?

**Tuan. Douglas Uggah Embas:** Ya, saya bersetuju dengan Yang Berhormat tadi, ini satu kecekapan. Juga ini satu tindakan yang itu berani untuk mengaku di mana ada kesilapan, bahawa kesilapan itu kita baiki supaya kita tidak akan menghadapi apa-apa masalah pada masa akan datang. Oleh yang demikian, maka apa-apa tuduhan dari pihak Pembangkang yang menyentuh mengenai perkara ini adalah memang tidak benar sama sekali.

Dengan kita meluluskan Rang Undang-undang ini, maka SPR dapat sekali lagi menyusun tindakan mereka dan mengambil tindakan untuk membuat persempadanan semula yang harus diadakan mengikut kehendak Perlembagaan selepas tempoh 8 tahun.



Satu lagi perkara yang disentuh adalah mengenai keputusan Parlimen harus muktamad mengenai menentukan Kerusi Parlimen. Memang keputusan Parlimen untuk meminda Perkara 46 yang dibuat dalam sesi Parlimen yang lepas rnasih berjalan. Pemindaan Rang Undang-undang ini tidak menyentuh sama sekali mengenai penambahan Kerusi yang kita telah buat apabila Perkara 46 dipinda pada tahun 1992, di sesi yang lepas tetapi Parlimen hanya berkuasa untuk meminda Perkara 46 mengenai kedudukan Kerusi Parlimen. Sama ada Kerusi Dewan Undangan Negeri dipinda, ditambah atau tidak, itu terpulang kepada Dewan Undangan Negeri itu sendiri. Mengikut Perlembagaan kita sekarang, kita tidak dapat membuat apa-apa mekanisme, tetapi Kerajaan akan mengambil perhatian dan mengkaji bagaimana mekanisme-mekanisme tertentu yang boleh kita buat untuk menentukan kehendak Parlimen dapat kita jalankan. Dalam erti kata lain, kita akan terus menegakkan supremacy Parlimen di negara kita sebagai badan induk memerintah negara dan apa-apa keputusan Parlimen tidak harus dipersoalkan di mana-mana tempat atau tidak digunakan oleh Dewan Undangan Negeri di negeri-negeri yang lain.

**Dato' Azumu bin Tak.:** Tuan Yang di-Pertua, penjelasan. Di dalam masalah ini, di masa bulan Oktober apabila Dewan Rakyat membincangkan soal penambahan Kerusi dan sebagainya, Ahli DA.P ada bersama. Sungguh pun mereka membangkang pertambahan Kerusi di Dewan Rakyat pada ketika, itu tetapi Ahli yang sama adalah juga Ahli Dewan Undangan Negeri Pulau Pinang.

Oleh itu, saya ingin bertanya kepada Kerajaan, tidakkah boleh Jawatankuasa Tata tertib mengambil tindakan terhadapnya di Dewan Rakyat kerana apabila Dewan Rakyat telah membuat keputusan, apabila keputusan itu pergi ke Dewan negeri, Yang Berhormat Ahli Pembangkang yang sama pula tidak bersetuju. Maka ini bercanggah dengan keputusannya sendiri kerana pendapat saya, apabila Dewan Rakyat sudah membuat keputusan sungguhpun dia membangkang, maka sebagai seorang Ahli, dia terpaksa juga bersetuju tentang keputusan Dewan Rakyat itu.

Maka, jika dia membangkang di peringkat Dewan Negeri, adalah salah i-segi demokrasi berparlimen. Oleh itu, tindakan ticacerr boleh dibuat diperingkat Dewan, Rakyat. Adakah Kerajaan bercadang supaya nda 3n scu - araa ini boleh dibuat khususnya terhadap Kit Siang? Terima kasih.

**Tuan Douglas Uggah Embas:** DAP ini memang dia di tempat yang lain, dia pun warna lain. Maka, tindakan mereka pun begitu juga. Tetapi saya akan menjawab dengan lebih panjang apabila saya menjawab soalan Yang Berhormat nanti mengenai DAP ini.

Yang Berhormat Dato' Azumu tadi menimbulkan sama ada kita harus mengubah lat 8 tahun yang perlu kita membuat persempadanan semula. Ingin saya memberitahu Dewan ini, bahawa mengikut Perlembagaan Perkara 113(2), persempadanan semula ini boleh dijalankan selepas 8 tahun. Itu terpulang kepada SPR untuk menentukan sama ada persempadanan semula itu perlu atau tidak, tetapi masa 8 tahun itu

dianggap cukup panjang kerana pada masa yang sama penduduk pun bertambah, corak ekonomi pun bertambah, pembangunan negara kita pun bertambah. Maka hasil pertambahan itu adalah perlu untuk SPR mengkaji dari masa ke semasa sama ada pesempadanan semula itu adalah sesuai atau tidak. Sama ada kawasan-kawasan pilihanraya cukup untuk menentukan hak rakyat yang duduk di bandar, khasnya di luar bandar, cukup diwakili sama ada rakyat di luar bandar dapat perkhidmatan yang cukup dari Wakil Rakyat mereka dan dari masa ke semasa, perkara ini sentiasa dikaji untuk menentukan bahawa sistem demokrasi kita terus berjalan lancar, bahawa tidak ada rakyat pun merasa dia tertinggal ataupun sengaja ditinggalkan.

Perkara kedua ialah mengenai DAP yang meminta menambah Kerusi sekarang, walaupun mereka telah tidak bersetuju dengan penambahan Kerusi apabila Rang undang-undang itu dibentang di Dewan Undangan Negeri Pulau Pinang. Kita tahu DAP ini memang sentiasa mencari modal, dari mana mereka dapat "political mileage". Maka pada masa itu, mereka merasa mereka harus menentang dan sekarang mereka hendak mengambil kredit untuk menambahkan Kerusi.

Saya rasa, rakyat Pulau Pinang harua scdar mengenai permainan DAP yang terbukti hanya mementingkan parti mereka sendiri, hanya mementingkan perjuangan politik mereka sendiri dan tidak memperdulikan sama ada mereka memperdayakan rakyat atau tidak. Rakyat Pulau Pinang harus memahami dan sedar sekarang bahawa DAP ini hanya bermain politik. Bukan politik untuk membangunkan rakyat,

bukan politik untuk membawa kesejahteraan kepada rakyat tetapi politik untuk mengekal kuasa kepada mereka sendiri dan mencari jalan bagaimana mereka dapat membuat kacau-bilau di negeri Pulau Pinang. Apa soalan Tuan Haji Nazri tadi mengenai DAP?

**Tuan Haji Mohamed Nazri bin Abdul Aziz:** Soalan saya, ada orang mengatakan bahawa Kerajaan mempengaruhi SPR. Tetapi saya sebut bahawa kalau Kerajaan Barisan Nasional bawa dalam Dewan Rakyat, mahukan dipinda Perlembagaan kerana ada penambahan 20 Kerusi, itu ialah di atas arahan daripada SPR. Bermakna Barisan Nasional tidak pernah campurtangan ataupun mempengaruhi SPR untuk berapakah Kerusi yang harus ditambah.

Jadi, soalan saya di sini, kalaulah sekiranya kita dengar bahawa Parti DAP di dalam sidang Dewan Undangan Negeri Pulau Pinang yang akan datang akan mencadangkan supaya ditambahkan 6 Kerusi, tidakkah cadangan DAP ini merupakan campurtangan dan cuba hendak mempengaruhi SPR tentang berapakah jumlah Kerusi yang harus diberikan kepada Pulau Pinang? Itu soalan saya.

**Tuan Douglas Uggah Embas:** Memang cubaan DAP ini adalah satu cubaan untuk campurtangan dengan hal-ehwal SPR kerana mereka ini dalam pandangan mereka, apa-apa perkara yang raenguntungkan mereka, apa-apa perkara yang dapat memberikan "policical mileage" kepada mereka, adalah baik. Apa-apa tindakan BN sentiasa dianggap sebagai satu campurtangan. Inilah politik DAP dan pada DAP, kalau dia dapat membuat berbagai-bagai campurtangan, dia memang suka untuk membuat

campurtangan kerana itu adalah cara mereka untuk membuat kacau-bilau kepada politik di negara kita ini.

Tuan Haji Salleh tadi juga menyentuh mengenai kebebasan pilihanraya dan SPR, dan saya juga ingin menjelaskan di sini bahawa dalam menyusun semula persempadanan kita, SPR adalah berpandu kepada Jadual Ketiga Belas Perlembagaan kita ' untuk menentukan sempadan kawasan pilihanraya dan jumlah penduduk di kawasan masing-masing.

[Timbalan Yang di-Pertua mempengerusikan Mesyuarat]

Yang Berhormat Tuan Hanipah bin Ahmad juga menyentuh mengenai keunggulan Parlimen yang saya telah jawab tadi. Beliau juga mencadangkan bahawa kaedah-kaedah disempurnakan seperti yang dicadangkan oleh Tuan Haji Mohamed Nazri; ingin saya menjelaskan di sini bahawa Kerajaan dari masa ke semasa, begitu juga SPR dari masa ke semasa memang mencari jalan bagaimana kaedah-kaedah untuk menguruskan Suruhanjaya Pilihanraya dapat dipertingkatkan. Misalnya, dalam mendaftar pengundi-pengundi. Mereka sekarang telah menggunakan komputer dan menggunakan kaedah-kaedah yang lebih cekap untuk menentukan bahawa setiap pengundi yang layak mengundi dapat mengundi. Begitu juga untuk menyelesaikan berbagai masalah seperti pertindihan pengundi-pengundi dan juga mengenai pengundi-pengundi yang mendaftar di dua atau tiga tempat. Kaedah-kaedah ini juga perlu untuk menentukan bahawa keutuhan SPR raakin sehari semakin baik dan dapat kita banggakan, seperti saya katakan mula tadi.

Yang Berhormat Tuan Hanipah bin Ahmad juga menyentuh mengenai DAP yang cuba hendak menambah kerusi Pulau Pinang. Saya rasa itu saya telah jawab; akan saya jelaskan bahawa ianya adalah merupakan permainan politik parti DAP untuk mencari modal politik kerana dalam pandangan saya.....

**Tuan Rahim bin Baba:** [Bangun]

**Timbalan Yang di-Pertua:** Sila.

**Tuan Rahim bin Baba:** Tuan Yang di-Pertua, mengikut jawapan Yang Berhormat Setiausaha Parlimen tadi mengenai kedudukan pengundi-pengundi; jadi dalam kaedah yang ada sekarang, Kerajaan tidak mewajibkan seseorang itu mendaftar sebagai pengundi dan juga tidak

tidak diwajibkan keluar mengundi. Jadi, untuk memberi hak kepada semua rakyat bersuara di negara ini, adakah Kerajaan bercadang untuk menjadikan pendaftaran pengundi ini sebagai suatu yang wajib dan selepas itu bukan hanya seseorang itu wajib mendaftar, tetapi juga seseorang itu wajib keluar mengundi raenggunakan haknya di dalam setiap pilihanraya? Adakah Kerajaan bercadang untuk mengadakan peruntukan-peruntukan ini?

**Tuan Douglas Uggah Embas:** Terima kasih. Memang satu kemungkinan untuk kita mewajibkan rakyat negara ini untuk mendaftar dan selepas itu mewajibkan mereka mengundi. Tetapi, kalau kita berbuat demikian, maka ia akan bercanggah dengan Perlembagaan kita yang memberi kebebasan untuk rakyat untuk memilih sama ada untuk mendaftar sebagai pengundi dan sama ada untuk mengundi samasa pillhanraya.

Jadi, setakat sekarang, kita masih berpegang kepada hak asasi individu yang diberi oleh Perlembagaan kita kepada rakyat Malaysia. Apa yang parti Barisan Nasional boleh buat khasnya kepada penyokong-penyokong kita, ialah membantu SPR dengan seberapa yang boleh supaya semua penyokong-penyokong kita dapat didaftar sebagai pengundi dan apabila masa pilihanraya, mereka (BN) juga harus menentukan mereka ini turun mengundi supaya kita dapat kemenangan dalam kawasan tersebut.

Jadi, dengan beberapa perkara yang saya telah jelaskan tadi, saya sekali lagi ingin mengucapkan terima kasih kepada beberapa Ahli Yang Berhormat yang telah bercakap dan memberi pandangan. Dan apa-apa perkara yang saya tidak sempat jelaskan di sini akan diambil

perhatian oleh SPR dan juga Kementerian supaya dapat diambil tindakan. Dengan itu, sekali lagi saya mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat yang telah bercakap. Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, masalahnya ialah bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang dan mengikut Peruntukan Fasal (3), Perkara 159 Perlembagaan, Rang Undang-undang Perlembagaan (Pindaan) (No. 2) 1993 ini memerlukan sokongan kepada bacaan kali yang kedua dan ketiga dengan undi sebanyak tidak kurang daripada 2/3 jumlah bilangan Ahli Majlis Dewan ini. Saya mengemukakan masalah ini bagi diputuskan.

Dato' Azumu bin Tak: Oleh kerana masalah ini amat penting, saya cadangkan Dewan ini memutuskan masalah di hadapan kita ini secara berbelahbahagi. Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Kita perlukan lapan sokongan. Sila bangun, lapan orang.

**[Lebih dari 8 Ahli bangun]**

**Timbalan Yang di-Pertua:** Lebih dari 8 orang. Baik. Jadi, Setiausaha, harap uruskan berbelahbahagi dan pengundian.

**Loceng dibunyikan.**

**Dewan berbelahbahagi.**



**Timbalan Yang di—Pertua;** Yang Berhormat penghit.ung-pen.ghitung undi, sila ambil tempat masin.g-masin.g untuk menjalankan undian. sekarang.

**Pengundian, dijalankan,**

**Timbalan. Yang di-Pertua;** Ahli-ahli Yang Berhormat, ini adalah keputusannya. Ahli-ahLi Yang Bersetuju ialah 5i; [Tepuk] Yang Tidak Bersetuju: Tiada; Yang Tidak Mengundi; Tiada. [Tepuk] Lebih, daripada 2/3 jumlah undi Ahli yang bersetuju. [Tepuk]

**YANG BERSETUJU**

**YANG TIDAK BERSETUJU**

**TIADA**

**YANG TIDAK MENGUNDI**

**TIADA**

Timbalan Yang di-Pertua: Rang Undang-undang ini dibacakan Kali Yang Kedua sekarang.

Rang Undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa.

Dewan bersidang dalam Jawatankuasa.

[Timbalan Yang di-Pertua mempengerusikan Jawatankuasa]

Fasal 1 hingga 4 diperintahkan menjadi sebahagian daripada Undang-undang.

**Majlis Mesyuarat bersidang semula.**

**Bacaan Kali Yang Ketiga**

**Tuan Douglas Uggah Embas:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon memaklumkan bahwa Rang Uhdang-undang Perlerabagaan (Pindaan) (No. 2) 1993 telah ditimbangkan dalam Jawatankuasa dan telah dipersetujukan tanpa pindaan.

Saya mohon mencadangkan iaicu Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan sekarang.

Setiausaha Parlimen Kementerian Kewangan [Tuan Mustapa bin Mohamed]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

**Dato' Azumu bin Tak:** Tuan Yang di-Pertua, seperti bacaan yang kedua tadi saya ingin mencadangkan supaya Dewan ini berbelahbagi sekali lagi.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Saya ingat sebelum daripada ini saya hendak buat pengumuman sedikit, kemudian Yang Berhormat boleh membuat cadangan selepas kenyataan ini.

Ahli-ahli Yang Berhormat masalahnya ialah bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang ketiga sekarang dan mengikut Peruntukan Fasal (3) Perkara 159 Perlembagaan, Rang Undang-undang Perlembagaan (Pindaan) (Nb. 2) 1993 ini memerlukan sokongan kepada bacaan kali yang kedua dan ketiga dengan undi sebanyak tidak kurang dari 2/3 dari jumlah bilangan Ahli Majlis Dewan ini.

**Dato' Azumu bin Tak:** Tuan Yang di-Pertua, saya cadangkan supaya Dewan kita bersidang berbelahbagi.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, oleh kerana telah ada permintaan untuk belahbahagian, maka mengikut Peruntukan Peraturan Mesyuarat 45(4), saya perlukan lapan sokongan, dan saya minta Ahli-ahli Yang Berhormat yang hendak berbelahbahagian itu bangun di tempat masing-masing. [Lebih daripada 8 Ahli bangun] Ya, Lebih daripada lapan orang. Kita teruskan kepada proses pengundian dan harap bunyikan loceng.

**Loceng dibunyikan.**

**Dewan berbelahbahagi.**

**Timbalan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat penghitung-penghitung undi, sila ambil tempat masing-masing untuk menjalankan undian sekarang.

**Pengundian dijalankan.**

**Timbalan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, inilah keputusannya: Ahli-ahli Yang Bersetuju ialah 51; [Tepukl Yang Tidak Bersetuju: Tiada; Yang Tidak Mengundi: Tiada. Lebih 2/3 jumlah undi yang bersetuju.

**YANG BERSETUJU:**

**YANG TIDAK BERSETUJU:**

**TIADA**

**YANG TIDAK MENGUNDI:**

**TIADA**

**Timbalan Yang di-Pertua:** Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan sekarang.

Rang Undang-undang dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.

#### RANG UNDANG-UNDANG PENGAMBILAN TANAH (PINDAAN)

##### Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

**4.55 ptg.**

**Setiausaha Parlimen Kementerian Tanah dan Pembangunan Koperasi**

**[Tuan Mohd. Soh bin Rajab]:** Tuan Yang di-Pertua, saya memohon mencadangkan iaitu suatu Akta untuk meminda Akta Pengambilan Tanah, 1990 dibacakan kali yang kedua sekarang.

Tuan Yang di-Pertua, Rang Undang-undang ini bertujuan untuk meminda Subseksyen (2), Seksyen 1 dalam Jadual Pertama, Akta Pengambilan Tanah, 1990. Pindaan ini dibuat adalah kerana di bawah peruntukan yang sedia ada, mana-mana tanah pemilik yang diambil balik bagi apa-apa maksud, maka nilai pampasannya hendaklah mengikut harga pasaran tanah. Ini bermakna jika tanah yang mempunyai tanah ataupun monument bersejarah yang telah diwartakan di bawah Akta Benda Purba, 1976 yang hendak diambil balik oleh Kerajaan bagi maksud untuk dikekalkan sebagai bangunan bersejarah, Kerajaan terpaksa membayar pampasan mengikut nilai pasaran yang tinggi.

Keadaan yang merugikan Kerajaan ini adalah tidak wajar memandangkan tanah dan bangunan bersejarah tersebut bukannya hendak digunakan oleh Kerajaan bagi maksud komersil, sebaliknya bagi maksud awam sebagai warisan sejarah nasional.

Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan hanya bercadang mengambil balik tanah-tanah persendirian yang telah diwartakan di bawah Akta Senda Purba, 1976 sekiranya hartanah atau bangunan tersebut tidak dijaga dengan baik atau terbiar sekian lama sehingga mungkin akan roboh dan luput identiti sejarah atau purbanya. Sekiranya hartanah atau bangunan berkenaan dipelihara dengan baik, maka pemiliknya akan terus memilik hartanah berkenaan. Di bawah pindaan **ini**, diperuntukkan bahawa dalara menentukan nilai pampasan tanah hendaklah diambil kira apa-apa sekatan, larangan atau kehendak yang dikenakan dalara suratan hak milik tanah dan di bawah Akta Benda Purba, 1976. Dengan yang demikian, pindaan Subseksyen (2), Seksyen 1 dalam Jadual Pertama, Akta Pengambilan Tanah, 1990 ini akan memberi kesan pengurangan nilai pasaran hartanah berkanaan. Dengan pindaan ini juga, pengarabilan balik tanah-tanah yang telah diwartakan di bawah Seksyen 15, Akta Benda Purba, 1976 tidak akan menyebabkan tanah-tanah itu setanding dari segi nilai, harga pampasan dengan tanah-tanah di kawasan berhampiran dengannya yang tidak diwartakan sebagai tapak atau monument bersejarah.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

**Setiausaha Parlimen Kementerian Kewangan [Tuan Mustapa bin Mohamed]:** Saya mohon menyokong.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah di hadapan Majlis ialah suatu Akta untuk merinda Akta Pengambilan Tanah (Pindaan) 1990 dibacakan kali yang kedua sekarang dan terbuka untuk dibahas. Yang Berhormat Tuan Rahim bin Baba.

**4.59 ptg.**

**Tuan Rahim bin Baba;** Teriraa kasih, Tuan Yang di-Pertua. Saya bangun untuk membahas dan seterusnya menyokong Akta yang dinamakan Akta Pengambilan Tanah (Pindaan) 1992. Sepertimana yang telahpun dijelaskan oleh Yang Berhormat Setiausaha Parlimen sebentar tadi, Akta ini adalah bertujuan untuk raman-perkataan seperti yang telahpun (2), Seksyen 1 dengan perkataan-perkataan seperti yang telahpun dijelaskannya sebentar tadi.

Tuan Yang di-Pertua, saya faham apa yang telahpun diterangkan oleh Yang Berhormat Setiausaha Parlimen tadi tentang tujuan Kerajaan meminda Akta Pengambilan Tanah tahun 1990 di mana Yang Berhormat Setiausaha Parlimen telahpun menerangkan betapa susahnya apabila Kerajaan terpaksa membayar dengan harga yang tinggi, apabila mengambil tanah-tanah purba ataupun yang ada kaitan dengan sejarah yang ditinggalkan dan tidak dijaga dengan baik oleh tuan punyanya.

Tetapi, Tuan Yang di-Pertua, saya ingin bertanya kepada Setiausaha Parlimen mengenai subseksyen (2)(a) iaitu:

"(2) In assessing the market value -

(a) the effect of any express or implied condition of title restricting the use to which the scheduled land may be put; and"

Saya dapati apabila Yang Berhormat Setiausaha Parlimen menjelaskan tentang Akta ini, beliau hanya menitikberatkan tentang tanah purba ataupun tanah-tanah peninggalan sejarah. Saya menaruh kebimbangan apakah sub-seksyen (2)(a) ini juga akan melibatkan Tanah-tanah Simpanan Melayu ataupun Tanah-tanah Adat sepertimana yang terdapat di Negeri Sembilan.

Saya menimbulkan ini kerana pada tahun 1982, kita telahpun rerainda Land Acquisition Act di rana di dalara First Schedule, Seksyen 2(a) ada tersebut:



"2(a) In assessing the market value of any scheduled land which is Malay Reservation under any written law relating to Malay Reservation, or Malay holding under the Malay Reservation Enactment of Terengganu or Customary Land in one State of Negeri Sembilan, or the State of Melaka, the fact that it is such Malay Reservation Land, a Malay holding or Customary Land shall not be taken into account."

izinkan. saya menterjemahkan, bermaknanya pada tahun 1982 kita telahpun meminda Akta Tanah di mana apabila Kerajaan mengambil tanah-tanah kepunyaan Malay Reservation Land, nilai Malay Reservation Land itu tidak akan diambilkira. Jadi, apakah dengan pindaan ini, pindaan "the effect of any express or implied condition of title restricting the use to which the scheduled land....." akan terlibat juga Malay Reservation Land, Tanah-tanah Simpanan kepunyaan orang-orang Melayu. Kerana, saya bimbang dan kuatir kalau-kalau hanya juga melibatkan Tanah-tanah Simpanan Melayu.

Saya masih ingat lagi, pada tahun 1982 apabila kita meminda Land Acquisition Act 1960, pada masa itu ramai pemilik Tanah Simpanan Melayu komplen kepada Kerajaan, khasnya apabila Kerajaan hendak mengadakan pembangunan, hendak mengadakan jalan, Longkang ataupun mengadakan infrastruktur, orang-orang Melayu telahpun menimbulkan masalah bahawa tanah yang dipunyai oleh bukan Melayu dibayar dengan harga RM10,000 ataupun RM15,000 satu ekar, pada hal tanah yang dimiliki oleh orang-orang Melayu dibayar hanya RM1,000 ataupun

RM2000. satu ekar. Jadi, itulah sebabnya pada tahun itu, pada ketika itu, kita telahpun meminda Akta ini supaya tidak memasukkan kedudukan tanah Malay Reservation tidak diambilkira. Maknanya, dengan pindaan yang telahpun ada pada tahun 1982 dahulu, walaupun tanah itu Tanah Simpanan Melayu, tetapi nilai yang akan diambil kira ialah nilai kepada keadaan tanah yang berhampiran supaya "restriction" ataupun had yang dikenakan kepada tanah tersebut tidak diambilkira.

Jadi, saya kuatir kalau-kalau, sebab itulah saya ingin bertanya dengan Yang Berhormat Setiausaha Parlimen- apakah dengan lulusnya Akta ini, hanya juga akan melibatkan Tanah-tanah Simpanan Melayu sekali. Begitu juga dengan Tanah-tanah Adat dan juga tanah-tanah Customary Land yang terdapat di Pulau Pinang dan juga sebagainya.

Tuan Yang di-Pertua, apa yang hendak saya tanyakan juga kepada Yang Berhormat Setiausaha Parlimen, ialah bagaimana garis panduan yang digunakan oleh Kerajaan sama ada sesuatu kawasan itu dianggap sebagai kawasan yang akan dimasukkan di bawah Akta Benda Purba 1976 ataupun sebagainya. Bagaimana caranya Kerajaan menetapkan? Mungkin kepada seseorang, sesuatu bangunan itu mempunyai nilai-nilai sejarah. Tetapi kepada kita mungkin Stadium Merdeka sekarang ini dianggap sebagai ancient monument kepada mereka yang golongan-golongan tua. Tetapi kepada golongan-golongan muda mungkin tidak menganggap hanya sebagai ancient monument. Jadi, apakah bangunan seperti Stadium Merdeka itu dianggap sebagai ancient monument ataupun sebagai benda-benda purba? Jadi, bagaimana garis panduan? Siapa yang akan menentukan? Jawatankuasa mana yang akan

menentukan sesuatu bangunan itu dianggap sebagai ancient monument ataupun sebagainya. Apakah Kerajaan boleh apabila sesuatu bangunan itu telahpun dianggap sebagai benda purba, apakah ianya boleh dipinda balik, ditukar balik syarat?

Saya percaya kepada kebanyakan, tuan-tuan tanah, mereka itu tidaklah menentang kalau Kerajaan ingin mengambil alih bangunan-bangunan lama ataupun sebagai apa yang hendak dijadikan sebagai warisan sejarah. Tetapi apa yang dikuatirkan oleh pemilik-pemilik tanah ialah kemungkinannya hari ini Kerajaan ambil dengan harga sebagai ancient monument ataupun sebagai benda purba, tetapi esok, dengan hanya with a stroke of pen, dengan izin, ianya boleh ditukarkan syarat untuk dibangunkan atau dimajukan. Jadi, kepada tuan tanah kerana adanya Akta ini, telahpun melepaskan sebuah bangunan lama ataupun sekeping tanah dengan harga, katakan dibayar oleh Kerajaan dengan harga RM1 juta ataupun RM2 juta. Tetapi, setelah beberapa bulan selepas itu, pihak Kerajaan menukarkan syarat tanah itu dan tanah yang harganya RM1 juta tadi, dengan sekelip mata sahaja akan naik penilaiannya kepada RM10 juta ataupun RM20 juta.

Jadi, apakah ada hak tuan-tuan tanah tadi untuk mengambil balik atau untuk mengambil tindakan untuk mendapatkan pampasan yang lebih selepas Kerajaan menukar syarat? Kita juga berharap supaya Kerajaan tidak dengan sewenang-wenangnya menukarkan syarat-syarat bangunan-bangunan purba yang telahpun diambil alih ini untuk tujuan-tujuan komersil ataupun dengan tujuan untuk mengambil untung dan juga sebagainya. Kalau ini berlaku, akan menimbulkan perasaan tidak puas hati kepada rakyat yang terpaksa menyerahkan tanah mereka untuk tujuan-tujuan ini.

Saya menimbulkan ini kerana walaupun saya belum ada lagi kes-kes di mana bangunan-bangunan lama yang telahpun ditukar syarat oleh pihak Kerajaan untuk dimajukan dengan tujuan-tujuan keuntungan. Tetapi kita tidak dapat menafikan kemungkinan terdapatnya tanah-tanah yang pada mulanya pihak Kerajaan mengambil tanah tersebut dengan tujuan-tujuan tertentu, selepas itu ditukarkan syarat dengan tujuan-tujuan komersil.

Terdapat tanah-tanah yang sepatutnya diambil dari tuan tanah untuk dijadikan tanah-tanah perkuburan, tetapi telahpun ditukar syarat untuk dijadikan projek-projek pembangunan. Terdapat tanah-tanah yang telahpun disediakan untuk pembangunan sekolah, pembangunan pasar ataupun kawasan lapang umpamanya, lepas itu apabila tanah ini diserahkan kepada Majlis-majlis Perbandaran, kadangkalanya tanah-tanah ini dimajukan oleh pihak Majlis Perbandaran untuk tujuan-tujuan mendapatkan keuntungan. Pada hal kalau kita kaji secara mendalamnya, kawasan-kawasan lapangan di dalam sesuatu kawasan perumahan itu adalah juga merupakan sebagai hakmilik kepada mereka yang membeli rumah ataupun yang membeli hartanah di dalam sesuatu kawasan itu. Ini pernah berlaku dan banyak berlaku dan terus berlaku lagi di banyak Majlis-majlis Perbandaran. Saya percaya Yang Berhormat Setiausaha Parlimen ataupun pihak Kementerian boleh membuat kajian berapa banyaknya kawasan-kawasan di Kuala Lumpur, kawasan-kawasan di Petaling Jaya yang dahulu di 'acquire' oleh Kerajaan, yang diambilalih oleh Kerajaan dengan tujuan kawasan lapang. Tetapi pada hari ini kita telahpun tengok, kita telahpun lihat banyak bangunan-bangunan yang telahpun didirikan dan juga ini bercanggah dengan penyerahan tanah yang telahpun dilakukan oleh tuan-tuan tanah semasa mereka ini mendapatkan development order ataupun mendapatkan kelulusan pelan susunatur bagi sesuatu kawasan itu.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga berharap Kerajaan oleh kerana dalam Akta ini tidak disebutkan mengenai berapa pampasan yang akan dibayar kepada tuan-tuan tanah yang akan diambil oleh pihak Kerajaan, Kerajaan juga hendaklah menetapkan satu tarikh jangka masa, umpamanya sekurang-kurangnya 10 tahun daripada tarikh Kerajaan mengambil tanah yang dimiliki untuk tujuan di bawah Akta Benda Purba 1976 ataupun untuk tujuan-tujuan lain, tetapkan satu tarikh jangka masa, umpamanya 10 tahun. Dalam masa 10 tahun barulah Kerajaan boleh menukar syarat, kalau difikirkan hendak mengadakan pembangunan, barulah boleh difikirkan diadakan pembangunan dalam sesuatu kawasan **itu**, kerana saya tidak mahu ada pihak-pihak yang akan menuduh bahawa Kerajaan dengan sengaja mengambil bangunan-bangunan lama untuk dimajukan mengambil tanah-tanah kepunyaan orang-orang Melayu untuk dimajukan dan selepas itu kerajaan akan mendapat untung. Kalau betul-betul Kerajaan yang mendapat untung, tak apa juga. Tetapi kadangkala tanah-tanah ini diserahkan kepada pemaju-pemaju lain dengan tujuan kononnya joint-venture dengan pihak Kerajaan dan pemaju ini mendapat keuntungan yang berlipat ganda. Jadi, tentulah kita akan dapat merasakan betapa harapannya tuan-tuan tanah yang telahpun menyerahkan tanah mereka tadi untuk tujuantujuan yang telahpun ditentukan semasa pengambilalihan itu berlaku.

Tuan Yang di-Pertua, oleh kerana Akta kita ini menyentuh soal pengambilan tanah, saya juga ingin bercakap tentang perancangan tanah-tanah yang dimiliki khasnya kalau di Kuala Lumpur ini oleh pihak Dewan Bandaraya ataupun oleh pihak-pihak swasta. Saya percaya

tiap-tiap Majlis Perbandaran mempunyai Master Plan untuk membangun sesuatu kawasan Majlis sandaran. Kalau di Kuala Lumpur ini umpamanya Master Plan untuk pembangunan Kuala Lumpur. Kita masih ingat lagi Master Plan Kuala Lumpur telahpun dilancarkan pada tahun 1982, kalau tidak silap saya, dan selepas itu tidak ada pengkajian semula dilakukan terhadap Master Plan ini dan juga tidak diadakan pelan-pelan tempatan. Kerajaan sepatutnya mengadakan pelan-pelan tempatan supaya tanah tidak melambung harganya dengan sewenang-wenangnya, kerana kuasa-kuasa yang terdapat pada Majlis-majlis Bandaran, khasnya tanah-tanah di dalam bandar dan juga kepada Dewan Bandaraya kalau di Kuala Lumpur, sebegitu meluas sekali. Hanya "with a stroke of pen", dengan izin, dia boleh merubah nilai sekeping tanah itu. Kalau katakan satu kawasan lapang kita mempunyai tanah di Kuala Lumpur, tiba-tiba Kerajaan bercadang untuk menjadikan tempat digazetkan sebagai tempat takungan najis, mungkin tanah yang berharga RM100 sekaki, dengan sekelip mata juga akan turun harganya kepada 50 sen ataupun tidak berharga langsung. Tetapi kalau tanah digazetkan untuk perkuburan umpamanya, apabila dengan sekali ditandatangani, ditukarkan syarat untuk dijadikan perindustrian, tanah yang berharga 50 sen sekaki mungkin telahpun naik RM200. ataupun RM300 sekaki. Jadi, di sinilah kuasa yang terdapat.

Begitu juga di dalam Wilayah Persekutuan ataupun di dalam kawasan-kawasan bandar seperti Petaling Jaya, Ampang dan sebagainya, kepadatan juga menentukan nilai sesekeping tanah itu. Kalau, umpamanya, pihak Kerajaan hanya mengizinkan density ataupun kepadatan dengan 200 orang penduduk bagi satu ekar tanah, tetapi

dengan sekali mesyuarat Kerajaan menambahkan density daripada 200 kepada 1,000 orang penduduk bagi satu ekar tanah, tanah yang bernilai RM50 sekaki dengan sendirinya akan melonjak kepada RM500 sekaki jadinya. Jadi, di sinilah kuasa-kuasa yang terdapat, yang dimiliki oleh Majlis-majlis Bandaran, oleh pihak Kerajaan.

Jadi, walaupun saya menyokong Akta **ini**, saya berharap Kerajaan hendaklah mengambil sikap berhati-hati supaya tidak berlaku penyalahgunaan kuasa oleh raana-mana pihak. Saya menaruh keyakinan kepada Kerajaan yang ada sekarang, kepada pentadbir—pentadbir yang ada sekarang, tetapi saya khuatir dan juga bimbang kalau berlaku sesuatu yang tidak diinginkan, khasnya kepada tanah-tanah simpanan Melayu, kalau di Kuala Lumpur ini kita bercakap tentang tanah-tanah di Kampung Bahru. Saya tahu betapa susahnyanya masalah yang dihadapi oleh pihak Kerajaan untuk memajukan tanah simpanan Melayu di Kampung Bahru di mana tanah ini kalau mengikut tafsiran penilaian aekarang ini harganya sekaki hanyalah RM50 sahaja, tetapi tanah di sekeliling itu mungkin RM200 ataupun RM300 sekaki. Jadi ini masalah yang dihadapi oleh pihak Kerajaan. Itulah sebabnya saya percaya Akta ini dipinda untuk membolehkan pembangunan dibuat. Kita pun tidak mahu melihat tanah-tanah Melayu terbiar, tanah-tanah dalam bandar terbiar, tidak dimajukan sama sekali. Kita mahu supaya orang Melayu juga menerima habuan dan turut sama di dalam pembangunan hartanah dan mengikut serta dalam arua pembangunan yang terdapat di bandar-bandar, khasnya di Bandaraya Kuala Lumpur ini.

Tuan Yang di-Pertua, cuma itu sahaja penjelasan-penjelasan yang saya pinta daripada pihak Kementerian. Saya berharap Yang Berhormat Setiausaha Parlimen dapat memberikan penjelasan-penjelasan mengenai perkara-perkara yang telahpun saya timbulkan tadi. Jadi, dengan ini saya menyokong Akta ini. Sekian, terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Sila Yang Berhormat Tuan Haji Mohamed Nazri.

**5.20 ptg.**

**Tuan Haji Mohamed Nazri bin Abdul Aziz:** Tuan Yang di-Pertua, saya juga berdiri untuk menyokong Rang Undang-undang Pengambilan Tanah (Pindaan) 1992. Namun begitu, ada dua perkara yang hendak saya utarakan untuk difikirkan bersama oleh pihak Kerajaan dan juga mereka-mereka yang bertanggungjawab.

Yang Berhormat Setiausaha Parlimen telahpun menyebut sebentar tadi, iaitu Akta ini dipinda kerana bertujuan untuk menilaikan pampasan dan mengelak daripada Kerajaan membuat bayaran yang lebih tinggi daripada yang sepatutnya.

Tuan Yang di-Pertua, selain daripada kita hendak memastikan bahawa Kerajaan tidak akan membayar lebih daripada apa yang patut dibayar, saya rasa perkara ini adalah menjadi tanggungjawab Kerajaan disabitkan Akta ini melibatkan pengambilan tanah persendirian. Kerajaan juga mempunyai tanggungjawab untuk memastikan iaitu bahawa Kerajaan mesti membayar pampasan yang berpatutan.

Kerajaan akan dianggap sebagai satu Kerajaan yang 'selfish', kalau sekiranya dia hanya memikirkan untuk meminda Akta, untuk mengelak daripada membuat bayaran yang tinggi. Tetapi saya rasa dalam usaha hendak meminda atau mengelak Kerajaan daripada membuat bayaran pampasan yang tinggi, Kerajaan bertanggungjawab juga



supaya janganlah pindaan ini melibatkan bayaran yang dibuatkan kepada rakyat itu lebih rendah daripada apa yang patut dibayar.

Yang saya hendak bangkitkan di sini ialah berkenaan Subskesyen (2)(b) yang berbunyi:

"(2)(b) the effect of any prohibition, restriction or requirement imposed by or under the Antiquities Act 1976 in relation to any ancient monument or historical site....."

dan seterusnya. Jadi saya kira bahawa kalau kita masukkan Subseksyen (2)(b) ini, apa yang akan berlaku bahawa kalau sekiranya saya mempunyai sebidang tanah, penggunaannya ialah untuk pertanian. Maka apabila diadakan prohibition mengikut Antiquities Act ini, apa yang akan berlaku ialah tanah saya tidak akan menjadi tanah yang laku. Walaupun penggunaan pertanian, tetapi sudah ada prohibition. Bila ada prohibition maknanya saya tidak dapat rneletakkan tanah saya ini untuk pasaran, kerana tidak ada siapa yang akan membeli, oleh kerana disabitkan 'prohibition di bawah Antiquities Act ini. Maka, apa yang akan berlaku di sini ialah bukan sahaja Kerajaan mengelak dari membuat pembayaran tinggi, malah pindaan ini akan raenyebabkan iaitu bahawa Kerajaan merabuac bayaran yang lebih rendah, yang patut diterima oleh pemilik tanah ini.

Saya rasa dalam soal hendak menilaikan pampasan ini tidak seharusnya kita mengambilkira bahawa, ada prohibition ini. Kalau sekiranya Kerajaan hendak mengambil tanah ini, dia mesti mengambilalih atas perkiraan tanah itu adalah tanah penggunaan

pertanian 'full stop'. Barulah pemilik tanah akan mendapat bayaran pampasan yang berpatutan. Tetapi kalau kita hendak mengambilkira ada 'prohibition of the Antiquities Act 1976', maknanya tanah ini tidak ada nilai. Walaupun tanah saya besar, ada pokok mangga semua ada, tetapi ada prohibition di bawah Antiquities Act ini terus tanah itu tidak ada nilai. Sebab apa? Sebab tidak ada siapa yang akan membeli tanah saya, kerana apabila orang melihat di dalam geran ada prohibition di bawah Antiquities Act jadi tanah saya tidak laku. Jadi saya rasa, apa yang berlaku di sini ialah tidak adil kepada pemilik tanah yang mana ada 'prohibition, restriction or requirement imposed by or under the Antiquities Act'.

Saya ingat untuk berlaku adil kepada perailik tanah, sepatutnya dalam kita hendak meminda Akta Pengambilan Tanah (Pindaan) 1992, Fasal 2(b) ini sepatutnya jangan masuklah; supaya berlaku adil kepada pihak pemilik tanah. Bila tidak ada (b) ini, maka sekurang-kurangnya pemilik tanah itu kalau tanahnya kena ambil, dia akan mengikut apakah penggunaan tanah itu. Penggunaanya katalah untuk pertanian, raaka bayarlah mengikut pasaran yang ada. Tetapi kalau kita ambilkira dalam hendak menilaikan pampasan yang harus dibayar, kita hendak mengambilkira "the effect of any prohibition" menyebabkan tanah itu tidak ada harga. Jadi saya rasa iaitu pihak hendaklah Kerajaan fikir baik-baiklah tentang perkara ini, kerana sebenarnya dengan pindaan ini bukan menyebabkan Kerajaan

akan dielak dari membuat pembayaran tinggi, tetapi apa yang akan berlaku 'the effect' ialah untuk menyebabkan tanah itu mendapat 'zero' value. Dan akhirnya harga menjadi terlalu rendah, maka ini akan berlaku tidak adil kepada pemilik tanah kalau kita hendak mengambilkira 'the prohibiton of the Antiquities Act'.

Saya mohon supaya pihak Kerajaan memikirkan perkara ini baik-baik agar tidak berlaku suatu teguran di masa yang akan datang, yang raana orang akan menyatakan bahawa Kerajaan tidak mementingkan kepentingan peribadi, walaupun kepunyaan tanah itu adalah kepunyaan tanah hak peribadi, tetapi apabila disabitkan dengan adanya mengambilkira 'the effect of any prohibition, restriction or requirement imposed by or under the Antiquities Act', ini akan menyebabkan Kerajaan tidak berlaku adil kepada pemilik tanah yang mempunyai prohibition yang sedemikian rupa.

Yang kedua, Tuan Yang di-Pertua, pindaan ini dibuat ialah untuk menentukan ataupun menilaikan pampasan yang harus dibayar oleh Kerajaan. Bermakna tiap-tiap tanah yang diambil oleh Kerajaan itu akan dibuat bayaran tunai sejumlah wang yang ditentukan. Ini membangkitlah tentang perkara yang dibangkitkan oleh sahabat saya Tuan Rahim bin Baba sebentar tadi. Apabila dikatakan 2(a) bermakna akan melibatkan tanah Malay Reservelah sebab:

"(2) In assessing the market value -

(a) the effect of any express or  
implied condition of title....."

.memang Tanah Rezab Melayu, "express or implied condition of title"

Malay Reserve - Malay Reservelah.

Saya ingin menarik perhatian pihak Kementerian kepada Perlembagaan Malaysia, yang mana jelas menyatakan iaitu kalau sekiranya tanah yang diambil itu merupakan tanah Malay Reserve, maka mengikut Perlembagaan satu luasan yang sama, yang telah diambil itu mestilah diganti oleh Kerajaan. Sebagai contoh katalah kita hendak membuat jalan raya maka kita telah mengambil satu kawasan seluas 40 ekar yang merupakan Malay Reserve. Jadi tanggungjawab Kerajaan di bawah Perlembagaan ialah untuk mengganti Malay Reserve ini dengan 40 ekar di tempat yang lain.

Soalnya di sini apabila kita hendak menilaikan pampasan bermakna kalau tanah Malay Reserve ini Kerajaan ambil, bermakna Kerajaan hendaklah membayar harga jumlah wang kepada pemilik tanah. Jadi persoalan saya di sini bahawa apabila pemilik itu dibayar dengan harga pasaran 40 ekar itu, bermakna - habis, iaitu bahawa Kerajaan tidak perlu lagi menyediakan 40 ekar di kawasan yang lain untuk dijadikan Malay Reserve.

Sepatutnya untuk tanah Malay Reserve, kalau Kerajaan ambilalih, maka harus diganti dengan tanah, bukan diganti dengan wang. Sebab apabila diganti dengan wang bermakna mengikut luasan tanah Malay Reserve yang ada di negara kita sudah kurang 40 ekar. Jadi soal yang berbangkit di sini ialah apakah kalau Kerajaan mengambil tanah yang merupakan Malay Reserve, apabila pemilik itu diberikan dengan harga pasaran tanah itu, maka telah hilang 40 ekar yang seharusnya diganti balik dengan tanah- lain. Di sini sepatutnya kepada pemilik

Malay Reserve tidak dibayar wang sebagai pampasan, tetapi mesti digantikan tanah luasan yang sama sebagai pampasan.

Di sini saya ingin tahu daripada pihak Kementerian, apakah dalam pengambilan tanah yang melibatkan tanah Malay Reserve ini, selama hari ini dia membuat pembayaran cash kepada pemilik dan tidak diganti tanah yang telah diambil oleh Kerajaan yang merupakan Malay Reserve.

Kita tahu bahawa institusi Malay Reservation Land ini telah wujud sebelum kita merdeka, dan menjadi satu daripada semangat Perlembagaan kita untuk memastikan iaitu bahawa jumlah tanah Malay Reserve ini jangan berkurang, tambah boleh, tetapi kurangkan jangan.

Tetapi saya ingin bertanya kepada Kementerian hari ini yang telah banyak membuat pengambilalihan tanah kepunyaan hak orang ramai iaitu selama hari ini apakah apabila Kerajaan mengambilalih tanah yang merupakan Malay Reserve, apakah selama hari ini dia hanya membayar 'cash' sahaja dan tutup buku ataupun dia ganti dengan satu luasan kawasan yang lain yang disyaratkan sebagai Malay Reserve?

**Timbalan Yang di-Pertua:** Yang di bandar atau di luar bandar.

**Tuan Haji Mohamed Nazri bin Abdul Aziz:** Ya. Bandar atau luar bandar, tidak kira, asalkan Malay Reserve; oleh kerana pada ketika ini dikirakan keluasan, bukan nilai. Jadi maknanya, kalau satu ekar diambil dalam bandar, maka mesti diganti dengan satu ekar dalam bandar juga. Tidak adillah, diambil satu ekar Malay Reserve dalam bandar maka digantikan dengan satu ekar di Gunung Jerai Malay Reserve - ini tidak adillah. Satu ekar dalam bandar diambil mesti diganti dengan satu ekar dalam bandar...

**Timbalan Yang di—Pertua:** Ataupun berdasarkan nilai.

**Tuan Haji Mohamed Nazri bin Abdul Aziz:** Ya, berdasarkan nilai. Tetapi dalam Perlembagaan ia menyebut keluasan dan tidak menyebut nilai. Walau bagaimanapun, saya percaya amalan yang kita buat, iaitu untuk mengelakkan berlaku perkara yang tidak baik, seperti dikatakan, satu ekar dalam bandar yang diambil kita gantikan dengan satu ekar di Gunung Jerai,, itu memang tidak seimbanglah. Selama inipun Kerajaan memang mengambilkira nilai dalam hal pengambilan tanah kepunyaan Malay Reserve. Cuma saya hendak bertanya di sini kerana ini adalah perkara serius, iaitu apakah pihak Kementerian selama ini dalam soal ia mengambil tanah untuk kegunaan umum, kalau tanah itu merupakan Malay Reserve, apakah Kerajaan bayar dengan wang tunai (cash) ataupun diganti dengan satu tanah keluasan yang sama dalam tempat yang sama? Sebab jumlah tanah Malay Reserve mesti

dipertahankan, malah bukan sahaja mesti dipertahankan tetapi juga hendaklah ditambahkan.

Saya rasa perkara ini serius dan saya ingin mendapat jawapan daripada pihak Kementerian dan dengan dua perkara yang telah dibangkitkan oleh saya ini, maka saya ingin menyatakan bahawa saya berdiri di sini untuk menyokong Rang Undang-undang Akta Pengambilan Tanah (Pindaan) 1992. Tarima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Silakan Yang Berhormat Datuk Haji Ahmad.

5.32 ptg.

**Datuk Haji Almad bin Haji Abdullah:** Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mengambil bahagian dalam membahaskan satu Akta untuk meminda Akta Pengambil Tanah 1960.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mendapat penjelasan daripada Kementerian Tanah dan Wilayah, adakah masih ada lagi perbezaan nilai harga Tanah Adat Melayu dengan tanah geran besar atau freehold, dengan izin, yang dibuat oleh Pegawai Penilaian? Biasanya, pada masa yang lalu Pegawai Penilaian yang menilai harga tanah ini mempunyai kuasa penuh. Apabila dia membuat penilaian, biasanya dahulu, Tanah Adat Melayu diambil dengan harga yang murah tetapi tanah-tanah estet, tanah freehold diambil dengan harga yang cukup mahal. Penilaian itu dibuat dengan tidak boleh pula kita Ahli-ahli EXCO atau Kerajaan Negeri overrule, dengan izin.

**Timbalan Yang di Pertua:** Dengan apa tu, Datuk?

**Datuk Haji Ahmad bia Haji Abdullah:** Overrule kuasa Pegawai Penilaian tadi.

**Timbalan Tang di—Pertua:** Oh! Ya.

**Datuk Haji Ahmad bin Haji Abdullah:** Dia lebih berkuasa daripada Kerajaan.

Kemudian saya ingin tahu juga mengenai satu kawasan tanah yang diambil oleh Kerajaan dengan menukar syarat. Tadi Tanah-tanah Adat Melayu, tanah estet diambil kerana kepentingan orang ramai. Katalah di satu tempat ada lebih kurang 1,000 ekar diambilalih dan ini termasuklah sawah-sawah, ladang-ladang Rezab Melayu dan estet-estet serta tanah-tanah yang terbiar iaitu diambil oleh Kerajaan Negeri dengan maksud hendak membuat projek sama ada projek pembangunan perumahan atau menyimpan barang-barang purba seperti bangunan-bangunan yang lama. Tetapi apabila sahaja diambil oleh Kerajaan, tiba-tiba Kerajaan tidak membuat pembangunan yang boleh menguntungkan rakyat.

Katalah, Kerajaan berjanji hendak membuat perumahan atau kilang supaya rakyat dapat bekerja, tiba-tiba Kerajaan Negeri menukar corak tanah yang dia hendak dibangunkan tadi, terus dijual kepada company yang besar-besar untuk membuat padang golf yang membolehkan orang-orang kaya daripada luar negeri membuat padang golf dan mendirikan bangunan kondominium yang besar-besar yang tidak boleh dibeli oleh rakyat. Akhirnya rakyat yang mempunyai rumah buruk di sekeliling itu mendapati bahawa orang-orang kaya dari Barat, begitu juga dari Timur, dari Jepun dan juga dari Eropah duduk dalam bangunan kondominium yang hebat dan kemudiannya rakyat tidak dapat masuk ke dalam padang golf itu kerana padang golf itu satu padang yang dikuasai oleh orang kaya dan tidak boleh dimasuki oleh orang miskin. Saya rasa pengambilan tanah seperti ini boleh mengecewakan rakyat di kawasan-kawasan luar bandar yang miskin.

Satu lagi, apabila kita membuat pengambilan tanah, Kerajaan



Negeri telah mengambil tanah-tanah rakyat dan sekarang ini diswastakan pula kepada kompeni-kompeni daripada luar negeri dengan menyebabkan tanah itu tidak lagi dapat kita miliki. Akhirnya tanah-tanah orang Melayu dan Rezab Melayu yang begitu banyak dan termasuk sawah-sawah telah menjadi suatu hutan batu - bangunan-bangunan yang besar, mesin-mesin yang besar yang membising serta memekakkan telinga dan tidak selesa sehingga kita merasakan gangguan urat saraf dengan adanya mesin-mesin yang besar ini dan kemudiannya harta itu tidak dapat kita miliki.

Adakah Kerajaan boleh mengambil balik, misalnya kilang-kilang yang tidak mengikut peraturan dan kehendak undang-undang negara kita dan kita menjadikan balik hakmilik negara kita dengan undang-undang yang ada pada hari ini? Cukuplah setakat **itu**, dan saya harap Kementerian dapat memberikan penjelasan kepada kami semua.

Dengan itu, saya menyokong Rang Undang-undang suatu Akta untuk meminda Akta Pengambilan Tanah 1960. Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Silakan Yang Berhormat Puan Hajah Rahmah.

### **5.39 ptg.**

**Puan Hajah Rahmah biati Salleh:** Tuan Yang di-Pertua, saya bangun untuk menyokong Rang Undang-undang Pengambilan Tanah (Pindaan) 1992.

Sebagaimana yang kita semua faham di atas apa yang diterangkan oleh Yang Berhormat Setiausaha Parlimen sebentar tadi, telah terang dan jelas kepada kita di atas apa yang perlu diambilkira oleh Kerajaan. Saya menyokong jika sekiranya pihak Kerajaan mengambil

satu-satu bangunan lama demi untuk mengekalkan bahan sejarah untuk diwarisi kepada generasi yang akan datang. Tetapi sebaliknya, pihak Kerajaan hendaklah membuat kajian yang adil semoga tuan-tuan hakmilik asal tidak merasa begitu besar kerugiannya seperti apa yang telah diterangkan dengan jelas oleh Yang Berhormat Tuan Rahim bin Baba sebentar tadi.

Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan sebagai tempat perlindungan rakyat, tempat rakyat mengadu kesusahan, tempat rakyat berteduh serta bernaung di bawah pentadbirannya, rakyat akan merasa begitu hormat dan taat kepada Kerajaan yang adil lagi saksama. Maka dengan ini, saya menyokong Rang Undang-undang Akta Pengambilan Tanah (Pindaan) 1992 ini dengan harapan setiap tanah yang diambil hendaklah diganti dengan tanah juga kepada hak pemilik Malay Reserve. Semoga dengan ini kekurangan demi kekurangan hakmilik Malay Reserve ini tidak akan wujud baik di bandar mahupun di luar bandar sebagaimana yang telah disarankan oleh Yang Berhormat Tuan Haji Mohamed Nazri Abdul Aziz sebentar tadi. Maka dengan **ini**, saya menyokong Rang Undang-undang ini. Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Silakan Dato' Azumu.

**5.40 ptg.**

**Dato' Azumu bin Tak:** Tuan Yang di-Pertua, saya ingin turut serta di dalam perbahasan ini dan menyokong Rang Undang-undang bernama suatu akta untuk meminda Akta Pengambilan Tanah 1960 ini diluluskan.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga bersetuju dengan sahabat-sahabat saya yang lain tadi bahawa masalah pengambilan Tanah Rezab Melayu ini telah begitu lama kita bincangkan tentang masalah gantinya. Sepertimana yang kita ketahui, masalah kuasa untuk memberi tanah ini adalah kuasa Kerajaan Negeri, dan oleh itu kita pohonkan supaya Kerajaan Pusat sentiasa berbincang dengan Kerajaan Negeri supaya apabila Tanah Rezab Melayu diambil, diganti dengan serta-merta dan sepatutnya kajian yang teliti dibuat sebelum pengambilan tanah itu dibuat; kawasan tempat ganti itu patut dikaji dan diberi keutamaan.

Tuan Yang di-Pertua, masalah yang selalu berbangkit dalam pengambilan tanah di kawasan Majlis Bandaraya atau Majlis Perbandaran, Majlis Daerah adalah kuasa di tangan beberapa pejabat Kerajaan yang tertentu. Di dalam Majlis Bandaraya atau Majlis Perbandaran, misalannya, kuasa itu sudah tentulah di tangan Pejabat Tanah yang berkenaan. Maka rancangan untuk mendirikan kawasan itu adalah dibuat oleh Majlis Tempatan yang berkenaan, maka perbincangan di antara Pejabat Daerah, Pejabat Tanah di kawasan itu dan Majlis Tempatan itu mengambil masa yang agak panjang. Dan apabila diketahui oleh tuan empunya tanah bahawa tanahnya akan diambil oleh Kerajaan, ianya menjadi suatu perbincangan besar di kawasan itu, di bandar itu, dan timbul banyak hasutan-hasutan. Ada juga yang ber-

pengaruh mengatakan patutlah kita bersetuju di atas pengambilan itu. dan ada pula yang mengatakan. harus membuat bantahan dan sebagainya. Masalah ini adalah kerana kelambatan yang dibuat oleh Pihak Penguasa Tempatan dan juga Pejabat Tanah dari Pejabat Daerah tempatan itu.

Oleh yang demikian., saya pohankan supaya apabila suatu pengambilan itu hendak dibuat, kerja-kerja pengambilannya hendaklah dibuat dengan cepatnya. Kalau boleh, di peringkat kajian yang dibuat oleh pejabat yang tertentu itu hendaklah dirahsiakan dengan sepenuhnya. Masalahnya ialah kadang-kadang apabila ada sahaja rancangan yang hendak dibuat, rahsia itu, terbongkar, sebagaimana dari Pejabat Tanah atau Pejabat. Majlis Tempatan, rnakanya menjadi suatu masalah yang besar di kawasaa tersebut. Oleh itu, amatlah peacing bagi Kerajaaa merahsiakan rancangan itu, dan apabila telah dipersetujui di semua peringkat hendaklah dipercepatkan. Apabila saya sebutkan dipercepatkan ini, bukannya dipercepatkan dari segi pengambilan sahaja. Yang pentingnya, pembayaran itu hendaklah dibuat dengan cepatnya. Ini juga raenjadi suacu masalah apabila pembayaran dibuat dengaa lambat. Kadangkala itulab. masanya Kerajaan memanggil tuan empunya tanah i.tu, dan, jika lanya tanah pusaka, maka biasaaya beriakulati macam-macam masalah untuk mendapatkan keluarga-keluarga berkenaan menghadiri perbincaraan di Pejabat Taaah. ini melambatkan dan mengecewakan penduduk. di setengah-setengah tempat, dan ianya menjadi suatu masalah yang amat besar.

Tuan Yang di-Pertua, suatu perkara yang Kerajaan harus perhatikan di dalam pengambilan tanah ini ialah ada juga:- di kawasan-kawasan kampung-karapung Melayu tradisioaal, tetapi lanya di dalam kawasan

Majlis Bandaraya. Di dalam kampung tradisional **itu**, misalannya jika luasnya 100 ekar, di dalam tanah itu ada 20 ekar kepunyaan orang bukan Melayu. Ini berlaku mungkin sejak beberapa tahun yang lalu. Tanah kepunyaan orang bukan Melayu ini terletak di tengah-tengah kampung itu - kepunyaan orang bukan Melayu - dan bukan di dalam Rezab Melayu. Perkara yang seumpama ini Kerajaan haruslah mengambil tindakan supaya tanah ini diambil oleh Kerajaan untuk rancangan rancangan Kerajaan di dalam kawasan yang tersebut, kerana ianya kawasan-kawaaan kampung Melayu tradisional, mungkin boleh didirikan perumahan Melayu atau mungkin boleh didirikan sekolah dan sebagainya supaya seluruh kawasan yang saya sebutkan 100 ekar itu adalah kepunyaan Rezab Melayu sepenuhnya. Ada kawasan-kawaaan ini yang berada di dalam kampung-karapung Melayu yang kita katakan telah lama berlaku. Kononnya ceritanya ada sebuah kampung itu, tanah itu kepunyaan trustee sebuah tokong, maka masalah Kerajaan Negeri untuk mengambil-alih tanah itu adalah begitu susah kerana kepunyaan trustee tokong **itu**. Tetapi kita perhatikan dengan mata kasar kita, tanah itu ditinggalkan begitu sahaja, tidak dideveloped dan kawasan sekelilingnya dimajukan oleh orang-orang Melayu kita. Inilah masalahnya yang saya agak Kerajaan haruslah membuat kajian terperinci mengenai tanah-tanah di kawasan ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya kurang faham tentang masalah Antiquitie Act ini. Apa yang berlaku adalah ianya agak saya di bawah Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan. Maka sekali lagi penglibatan Jabatan-jabatan Kerajaan - tadi saya sudah bangkitkan masalah pihak Majlis Tempatan dengan Pejabat Tanah. Maka jika

kawasan yang kita sebutkan di dalam Rang Undang-undang yang ada di hadapan kita ini terlibat dengan Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan, kemungkinan juga akan berlaku kelewatan untuk memajukan kawasan-kawasa tersebut. Kemungkinan juga jika ada rancangan hendak dimajukan itu, diketahui oleh tuan yang empunya itu sebelum tanya dilaksanakan dan rahsia terbongkar lagi sekali. Ini-lah yang menjadi masalan jika melibatkan banyak jabatan-jabatan Kerajaan bertanggungjawab untuk memajukan sesebuah kawasan itu.

Oleh itu, Tuan Yang di-Pertua, saya pohonkan jika melibatkan banyak Jabatan-jabatan Kerajaan seumpama ini, haruslah dicari satu cara jalan di masa di antara Jabatan-jabatan itu cuma seorang sahaja pegawai Kerajaan bertanggungjawab sepenuhnya tentang projek-projek yang berkenaan. Saya tidaklah mahu mendengar bahawa apabila seseorang berhadapan dengan Majlis Perbandaran, maka ianya selepas itu dipinta pula pergi berjumpa dengaa pegawai Pejabat Tanah dan Pejabat Daerah pula dan terpaksa berjumpa dengan Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan. Seperti yang kita tahu, bidangkuasa di dalam Kementerian ini cuma berpusat di Kuala Lumpur sahaja. Di negeri-neyeri belum ada jabatan-jabatan mereka yang bertanggungjawab Lentang masalah-masalah seumpama ini. Oleh itu, kita harapkan supaya Kerajaan lebih cekap lagi -untuk meneliti masalah-masalah seumpama ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya menyokong Rang Undang-undang ini. Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Silakan Yang Berhormat Tuan Haji Ahmad Zahid.

**5.50 ptg.**

**Tuan Haji Ahmad Zahid bin Hamidi:** Tuan Yang di-Pertua, saya bangun untuk mohon menyokong Rang Undang-undang Pengambilan Tanah (Pindaan) 1992, sebagaimana yang telah dibentangkan oleh Yang Berhormat Setiausaha Parlimen, sahabat saya sebentar tadi dan disokong oleh rakan-rakan saya yang lain

Saya ingin menyentuh beberapa perkara yang berhubungkait dengan pengambilan tanah terhadap tanah-tanah wakaf yang di atasnya didirikan masjid lama yang mempunyai nilai sejarah tetapi tidak lagi digunakan kerana ada bangunan lain di tanah wakaf yang lain. Saya ingin bertanya adakah pampasan yang akan diberikan oleh pihak Kerajaan terhadap tanah-tanah wakaf ini akan diberikan kepada pemegang amanah, atau kepada Baitulmal, atau kepada waris terdekat yang telah mewakafkan tanah berkenaan untuk tujuan masjid tetapi diambilalih oleh pihak Kerajaan untuk menjaga nilai-nilai sejarah yang ada pada masjid berkenaan?

Ini perlu saya sebutkan kerana beberapa tempat bersejarah seperti di Melaka, terdapat Masjid Keling umpamanya, yang mungkin dalam tempoh 50 atau 100 tahun akan datang....

**Timbalan Yang di-Pertua:** Masjid apa itu?

**Tuan Haji Ahmad Zahid bin Hamidi:** Namanya "Masjid Keling", Tuan Yang di-Pertua. Jadi, saya terpaksa sebut "Masjid Keling".

**Timbalan Yang di-Pertua:** Saya pun tidak berapa terang dengar tadi, itu sebab saya tanya.

**Tuan Haji Ahmad Zahid bin Hamidi:** Begitu juga ada satu lagi "Masjid Keling" di Pulau Pinang. Namanya memang "Masjid Keling".

**Timbalan Yang di-Pertua:** Baik, baik, teruskan.

**Tuan Haji Ahmad Zahid bin Hamidi:** Tetapi yang sembahyang bukan sahaja Mamak tetapi orang Islam yang lain juga.

Jadi, kedudukan tanah wakaf ini perlu diambilkira kerana ini soal sensitif kerana bagi orang Islam bila wakaf **itu**, mereka mengharapkan habuannya di akhirat nanti. Saya ingin memetik sepotong ayat Al-Quran yang menyebut, dengan izin. [Sambil membacakan sepotong dari ayat Al-Quran]

Jadi, dari ayat itu memang jelas kita dituntut untuk beribadat dengan tekun, dengan khusyuk untuk akhirat tetapi tidak lupakan soal-soal keduniaan. Tetapi kalau pihak Kerajaan mengutamakan nilai-nilai antik, nilai-nilai sejarah kepada sesebuah bangunan tetapi tidak mengambilkira investment, dengan izin, pelaburan untuk saham akhirat, saya fikir perkara ini harus difikirkan dari segi sudut keagamaan.

Yang keduanya, saya juga ingin menyentuh soal istana-istana lama. Istana-istana lama seperti apa yang berlaku di Kelang, berlaku di Kuala Kangsar, berlaku di banyak bandar-bandar DiRaja yang lain, dari segi milik tanah-tanah yang didirikan istana berkenaan ianya adalah milik keluarga DiRaja kalau ianya bukan milik



Kerajaan Negeri-negeri berkenaan. Bagi saya, nilai yang harus diberi terhadap nilai tanah dan hartanah yang berada di tanah berkenaan seharusnya lebih tinggi nilainya dari harga pasaran. kerana bukan nilai komersil yang harus diperhatikan tetapi nilai sejarahnya.

Jadi, bukan saya ingin meminta Kementerian Yang Berhormat Setiausaha Parlimen untuk belajar dari sejarah Inggeris atau belajar dari sejarah negara-negara yang lebih awal tamadunya daripada kita tetapi nilai-nilai sejarah, jangan diaamakan dengan nilai komersil. Ianya harus dinilai mengikut nilai yang lebih tinggi, bukan kerana adanya bangunan lama maka kita berhajat untuk menekankan unsur eksploitasi terhadap nilai tanah-tanah berkenaan.

Begitu juga kawasan-kawasan Batu Bersurat. Kalau kita melihat sejarah kedatangan Islam di Terengganu, umpamanya, Batu Bersurat itu diambil oleh Muzium dan tanah itu terbiar begitu sahaja. Tetapi seharusnya pihak Muzium ataupun pihak-pihak berwajib seperti Arkib Negara, umpamanya, harus mengekalkan Batu Bersurat itu di situ dan Akta Pengambilan Tanah ini harus ditekankan terhadap tanah-tanah yang sedemikian dan tidak diubahkan Batu Bersurat itu dari tempat asalnya. Jadi, pengambilan tanah yang terdapatnya Batu Bersurat dan nilai-nilai sejarah yang seumpamanya harus diambilkira dalam hal berkenaan.

Saya juga ingin mengambil contoh beberapa kawasan lain seperti kawasan Istana Langkasuka di Beruas, Perak. Yang Berhormat mungkin

maklum bahawa sejarah awal Kerajaan Negeri Perak di zaman Hindu dahulu, ianya berada di Beruas tetapi tanah itu telah menjadi milik sebuah ladang kelapa sawit. Jadi, oleh kerana kita tidak sensitif terhadap nilai tanah berkenaan yang mempunyai istana lama di beruas itu, maka kita tidak berhajat untuk mengambilalih walaupun tidak ada preservation, dengan izin, bangunan berkenaan, akhirnya nilai-nilai sejarahnya hilang.

Begitu juga di Merbok, keadaan yang sama juga berlaku. Bila keadaan yang sama ini berlaku, maka Yang Berhormat tadi menyatakan bahawa nilai tanah-tanah berkenaan Lebih rendah kerana tanah berkenaan itu tidak digunakan. Tanah berkenaan tidak digunakan dengan alasan bahawa bangunan lama yang ada di atas tanah tersebut. Tetapi saya telah sebutkan dari awal tadi, nilainya bukan ke atas kegunaan tanah berkenaan tetapi nilai sejarah yang ada di tanah berkenaan.

Jadi, walaupun saya menyokong pindaan ini, saya fikir pihak Kementerian Yang terhormat harus mempunyai hilai yang tinggi dan nilai-nilai yang murni dan tidak melakukan apa yang dipanggil eksploitasi, jika ada; dan menganggap tanah itu sebagai tanah yang tidak digunakan atau tanah terbiar.

Satu lagi aspek yang saya ingin pertekankan di sini, yang saya fikir ada tujuan yang tersirat dan tidak dinyatakan secara tersurat ialah mengenai perkara subseksyen (2), seksyen 1, perenggan (a), yang kesannya mungkin terhadap pembangunan tanah di kawasan Kampung

Bahru kerana kita faham masalah yang wujud untuk membangunkan Kampung Bahru ini kerana hakmiliknya yang turun-temurun dari satu generasi ke satu generasi yang lain. Soal pengambilan tanah ini memberikan satu kesukaran kepada pihak Kerajaan untuk membangunkan sebuah kampung tradisional di tengah-tengah kota metropolitan, di Bandaraya Kuala Lumpur.

Saya fikir, walaupun tanah berkenaan adalah Tanah Simpanan Melayu tetapi nilai komersilnya tidak harus direndahkan kerana ianya Tanah Simpanan Melayu kerana, dengan izin, 'golden triangle' adalah dikelilingi kawasan Kampung Bahru yang nilainya lebih tinggi, berlipat-lipat kali ganda berbanding dengan Kampung Bahru. Jadi, saya fikir soal nilai komersil dalam perkara ini haruslah diambilkira agar tidak ada penganiayaan terhadap tuan-tuanpunya tanah di kawasan yang terlibat.

Akhirnya saya ingin menyebutkan satu contoh di mana kawasan-kawasaa yang mengalami kesesakan jalan raya, contohnya di Jalan Setapak di mana kawasan tersebut menjadi kawasan, dengan izin, bottleneck kerana pihak Kerajaan tidak dapat mengambillalih tanah berkenaan kerana ada sebuah kuil di sana dan ada bangunan lama yang dipunyai oleh seorang Chettiar. Jadi, saya tidak faham mengapa pihak Dewan Bandaraya ataupun pihak Kerajaan tidak dapat mengambillalih tanah berkenaan sedangkan di kawasan lain boleh diambil.

Jadi, kalau demi kepentingan umum, perkara-perkara seperti adanya sekatan perundangan terhadap pengambilan tanah berkenaan,

hendaklah diatasi dengan segera. Terutamanya kawasan-kawasan yang mendatangkan faedah kepada umum, lebih daripada kepentingan peribadi, haruslah diambilkira oleh pihak Kerajaan dari mengatasi yang lain-lain.

Dengan tidak berhajat untuk memanjangkan bicara saya, dengan **ini**, sekali lagi saya menyokong Akta Pengambilan Tanah (Pindaan) 1992 ini. Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Silakan Yang Berhormat Tuan Haji Salleh.

**6.00 ptg.**

**Tuan Haji Salleh Hassan bin Ali:** Bismillahi-rahmanir-rahim.

Tuan Yang di-Pertua, saya bangun untuk menyokong Rang Undang-undang Pengambilan Tanah (Pindaan) 1992 ini,

telah berlaku terhadap tuan punya tanah yang telah diambil oleh Kerajaan. Suatu peristiwa telah berlaku yang mana pengambilanbalik tanah untuk dijadikan jalan. raya di tengah-tengahnya. Apabila dinilai, pihak penilai telah mentakrifkan bahawa dengan pengambilanbalik tanah itu, maka tanah yang ditinggalkan sebahagiannya, walaupun sedikit, nilainya tinggi. Maka, tuan punya tanah itu hanya mendapat RMI pampasan, sedangkan tanah yang diambilbalik melebihi 3/4 daripada jumlah tanah. Ini kita mesti fikir bahawa adalah amat wajar pihak Kerajaan menimbang; mungkin Allah telah menentukan bahawa 'SiMamat', tanahnya diambilbalik dan rahmat turun kepadaaya. Maka wajarlah pampasan mengikut harga semasa itu dibayar.

Dan lagi, kita mesti fikir bahawa tanah merupakan sesuatu yang amat berharga kepada sesuadu bangsa. Seluruh bangsa di dunia ini terlalu sayang kepada tanah. Biarlah mereka mati demi mempertahankan tanah. Harta pusaka merupakan sesuatu yang wajar dan mesti. Haka ini hendaklah diambilkira bahawa tanah merupakan nilai yang amat tinggi. Kalau diambilbalik tanah yang luas, jangan diganti hanya satu kawasan yang kecil keluasannya, hanya mampu mendirikan sebuah rumah; sedangkan tanah yaag diambilbalik itu

luasnya amat jauh dengan gantian yang diberi. Dan pampasan - saya syorkan supaya pampasan yang dibayar jangan, mengikut nilai semasa cadangan pengambilan; tetapi mengikut nilai semasa pembayaran. Kerana proses pengembalian tanah mengambil masa yang panjang, tetapi nilai itu dibuat semasa cadangan, tetapi memakan masa yang panjang untuk dibayar balik. Kadang-kadang ada terdapat tiga empat tahun, sedangkan dalam jangka masa itu tanah itu telah naik berlipat kali ganda. Jadi, tuan punya tanah mendapat harga yang jauh ketinggalan daripada semasa pembayaran itu dibuat. Ini juga.....

**Timbalan Yang di-Pertua:** Jadi, kasihanlah 'SiMamat' yang mendapat rahmat tadi itu?

**Tuan Haji Salleh Hassan bin Ali;** Ya, makakasihaniah

'SiMamat' yang mendapat rahmat, tetapi tidak ada nilai rahmat yang diterima itu tadi, Maka telah menjadi tugas dan tanggungjawab Kerajaan mengambil berat tentang permasalahan yang dialami oleh orang-orang yang terlibat dalam pengambilan tanah supaya tanah yang diambil itu dapat pampasan yang sewajarnya. Janganlah masing-masing ini sampai ke anak cucu cicitnya terasa dendam di atas pengembalian tanah kerana pampasan yang dibayar tidaklah setimpal dengan nilainya. Sekian, terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua;** Kalau tidak ada sesiapa lagi untuk membahas, saya dengan hormatnya menjemput Setiausaha Parlimen Kementerian Tanah dan Pembangunan koperasi untuk memberikan jawapan. beliau. Silakan..

6.05 ptg.

**Setiausaha Parlimen Kementerian Tanah dan Pembangunan Koperasi [Tuan Mohd. Noh bin Rajab];** Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu

saya ingin. mengucapkan terima kas-in kepada beberapa orang Ahli yang telah mengambil bahagian. dalam membahaskan. Rang Undang-undang pada hari ini.

Bagi pihak Kementerian, saya mengucapkan syabas atas pandangan-pandangaa yang telah mereka berikan. Bolehlah saya rumuskan bahawa mreka ini adalah terdiri daripada Ahli-ahli Yang Berhormat yang begitu mementingkan ataupun mengambil berat tentang masa depan ataupun. nasib tuan-tuan punya tanah kalau sekiranya pengambilan tanah dilakukan oleh pihak Kerajaan, pampasannya tidak setimpal dengan nilainya.

Tuan Yang di-Pertua, bersangkutan dengan pindaan **ini**, inginlah saya jelaskan. bahawa ia merupakan satu. pindaan yang kecil sahaja kepada Rang Unidang-undang Pengambilan Tanah 1960 yang melibatkan satu subseksyen. sahaja yang mana ianya terpakai apabila Akta Benda Purba 1976 digunakan.

ingin saya menerangkan kepada Ahli-ahli Yang. Berhormat bagaimana mekanisme Akta ini atau Rang Uudang-undang ini akan digun.ak.an. Apabila terdapat satu-satu ban.gun.an. yang dianggap sebagai satu bangunan purba oleh satu Kementerian lain maka Kementerian. itu atau pihak Kerajaan. mengikut Akta Benda Purba 1976 mewartakan yang bangunan itu adalah terkandung atau tertakluk kepada Akta Benda Purba ini. Sebagai satu guideline, bangunan yang boleh dikira ataupun. termasuk dalam Akta Benda Purba ini mestilah tidak kurang umurnya daripada 100 tahun, barulah Kerajaan mewartakan. Ataupun mengiktiraf kalau dipersetujui oleh pihak Kementerian yang berkenaan, bahawa bangunan itu satu bangunan purba. la tidak

melibatkan Akta Pengambilan Tanah jika sekiranya bangunan purba itu dapat dipelihara atau dijaga oleh tuan punya bangunan. itu dengan baik. Tetapi- apabila terdapat bahawa tuan punya bangunan. itu tidak berupaya lagi memelihara atau menjaga barang purba itu yang kini telah dijadikan. satu warisan nasional, maka di situlah Akta ini akan diambilpakai, iaitu Kerajaan Negeri menggunakan Akta Pengambilan Tanah 1960 untuk mengambilbalik. tanah itu - mengambilalih tanah yang terdiri di atasnya bangunan. purba yang telah diwartakan. **itu.**

Di sinilah maka subseksyen ini akan digunapakai. Semasa pihak berkuasa atau pihak Mahkamah menentukan nilai harga pampasan **itu,** hendaklah pihak Mahkamah mengambilkira bahawa tanah itu adalah tanah yang di atasnya harta purba dan. tidak lain.



Dia tidak lagi menjadi satu tanah komersil dan dia tidak boleh ditukar syarat sewenang~wenangnya sahaja.

**Tuan Rahim bin Baba:** [Bangun]

**Timbalan Yang di-Pertua:** Macam mana? Hendak berikan jalan....

**Tuan Mohd., Noh bin Rajab:** Saya hendak tumpang tanya dahulu, atas apa Yang Berhormat bangun?

**Timbalan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat duduk dulu Sebentar. Silakan.

**Tuan Rahim bin Baba:** Jadi Yang Berhormat Setiausaha Parlimen, dari jawapan Yang Berhormat mengenai Akta ini, bolehkah Yang Berhormat mengesahkan bahawa pindaan ini dibuat tidak akan digunapakai terhadap Tanah-tanah Simpanan Melayu? Bermakna Tanah-tanah Simpanan Melayu penilaiannya masih lagi akan digunakan seperti Akta yang telahpun diluluskan pada tahun 1982 dulu. Jadi itu pertanyaan saya.

**Timbalan Yang di—Pertua:** Sila.

**Tuan Mohd. Noh bin Rajab:** Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya saya akan pergi ke fakta itu apabila saya sampai masanya nanti. Cuma saya hendak terangkan ini berkenaan dengan bila masanya Akta ini dipakai. Sebab ada tanda-tanda menunjukkan mungkin kalau tidak diterangkan bahawa pentafsirannya pergi jauh daripada tujuan Akta ini.

Jadi apabila tanah itu telah disifatkan sebagai di atasnya terletak Akta Benda Purba maka ia diwartakan dan termaktub di atas geran itu ia satu nilai ataupun satu klasifikasi yang sedemikian rupa. Dia bukan lagi menjadi tanah komersil, dia bukan lagi menjadi tanah pertanian, dia bukan lagi tanah yang lain tetapi adalah tanah yang terletak di atasnya Akta Benda Purba yang telah diwartakan.

Jadi apabila mempertimbangkan nilai pampasannya inilah yang pihak Kerajaan berharap supaya pihak berwajib atau pihak berkuasa mempertimbangkan kalau dibawa ke tengah. Tentang nilai sebenarnya ia sudah tentulah ditetapkan oleh kalau sampai masanya, ditetapkan oleh pihak mahkamah sendiri. Tetapi pihak mahkamahpun apabila hendak menentukan nilainya mestilah ataupun sudah tentunya merujuk kepada Akta ini kerana di atasnya telah dicatatkan atau telah diturunkan bahawa ada restriction, ada had kepada tanah ini, iaitu had yang kita hari ini bincangkan, yang tanah ini mempunyai satu benda purba kepunyaan negara,

Tentang sama ada tuan tanah akan dianiaya, tuan tanah akan kehilangan dan sebagainya ataupun soalan yang dikemukakan oleh Tuan Rahim bin Baba tadi berkenaan Tanah Reaab Melayu. Kalau misalannya bangunan purba itu terletak atas Tanah Rezab Melayu maka terlibatlah Tanah Rezab Melayu yang dikaitkan itu. Tetapi kalau boleh saya terangkan lebih panjang, yang terlibat hanyalah tanah yang mempunyai bangunan itu sahaja

Kalau ianya tanah pertanian di bawah Tanah Rezab Melayu juga bukan satu perkara yang tidak boleh dilakukan oleh Kerajaan untuk menjaga kepentingan tuan tanah, maka tanah yang misalannyalah bangunan itu terletak atas 100 ekar tanah ladang kepunyaan seorang bumiputera dan tanah itu adalah Tanah Rezab Melayu; saya tidak yakin Kerajaan akan rnengambil tanah 100 ekar itu, Untuk menjaga kepentingan tuan punya tanah mungkin hanya secebis tanah yang mana terletak bangunan purba itu sahaja akan diarabil oleh Kerajaan. Yang lain tidak akan disentuh oleh Kerajaan. Jadi masalah ataupun perkara persoalan mungkin tuan Tanah Tanah Rezab Melayu akan teraniaya tidak timbul. Sebagaimana yang kita tahu tanah boleh

dibahagi-bahagikan. Kalau Kerajaan dapati tidak perlu hendak diambil tanah yang sebegitu luas, maka tidak perlu.

**Tuan Haji Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: [Bangun]**

**Timbalan Yang di-Pertua:** Minta laluan. Boleh? Silakan.

**Tuan Haji Mohamed Nazri bin Abdul Aziz:** Tuan Yang di-Pertua, saya setuju kalau tuan tanah ada 100 ekar, ambil secebis tanah - dia tidak teraniyalah. Tetapi kalau orang itu ada suku ekar, kena ambil, macam mana?

**Timbalan Yang di-Pertua:** Sila.

**Tuan Mohd. Noh bin Rajab:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Tuan Haji Mohamed Nazri mengambil satu misalan, andaian dalam imajinasinya. Tetapi perkara ini belum timbul lagi,....

**Tuan Haji Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: [Bangun]**

**Timbalan Yang di-Pertua:** Ya.

**Tuan Mohd. Noh bin Rajab:** Tuan Yang di-Pertua, saya hendak terangkan lagi. Belum habis jawapan.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Saya ingat elok, pasal perkataan "imajinasi" itu boleh mempertikaikan keadaan sebenarnya. Boleh duduk sekejap.

**Tuan Haji Mohamed Nazri bin Abdul Aziz:** Saya percaya tanah 100 ekar yang Yang Berhormat Setiausaha Parlimen cakap tadi imajinasi juga. Jadi kalau imajinasi seperti contoh yang diberikan oleh Yang Berhormat itu boleh jadi realiti, saya punya point imajinasi juga boleh jadi realiti. Saya ingat ini satu soalan....

**Timbalan Yang di-Pertua:** Satu imajinasi besar, satu imajinasi kecil. Silakan.

**Tuan Mohd. Noh bin Rajab:** Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya saya hendak terangkan lebih panjang lagi.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Silakan.

**Tuan Mohd. Noh bin Rajab:** Tetapi kerana Tuan Yang di-Pertua suruh saya berhenti sekejap, saya berhentilah. Sebenarnya, Tuan Yang di-Pertua, masalah yang ditimbulkan oleh Tuan Haji Mohamed Nazri tadi belum, timbul lagi. Yang mana seorang tuan tanah ~~man~~ mempunyai suku ekar dan di atas tanahnya yang suku ekar sahajalah dalam dunia ini terletak satu bangunan purba kepunyaan negara yang disanjung tinggi oleh negara. Belum timbul lagi keadaan yang sedemikian. Tetapi dia mungkin timbul juga mungkin timbul juga!

Dalam keadaan begitu Kerajaan yang sentiasa mengambil berat tentang nasib rakyat akan mempertimbangkan perkara itu. Dia bersangkutan-paut dengan Akta Pengambilan Tanah (Pindaan) 1992 yang telah dibawa dan diluluskan dalam Dewan ini yang mana Kerajaan berjanji untuk menggunakan Akta Pengambilan Tanah ini dengan sebijak yang mungkin dan dengan tidak menganiaya mana-mana pihak melainkan untuk pembangunan dan dalam Hal ini untuk menjaga satu peninggalan warisan negara. Bukan semua bangunan yang tua sampai 100 tahun akan diwartakan oleh Kerajaan sebagai bangunan purba tidak. Ramai orang dalam membahaskan Akta ini kata, "Bagaimanakah tentang Stadium Merdeka atau Stadium Negara". Saya rasa Stadium Merdeka dan Stadium Negara tarikh ataupun tahun ~~ma~~ pembinaannya saya masih ingat lagi iaitu saya telah lahir dan saya belumpun seratus tahun lagi hidup. Jadi dia belum masuk di bawah Akta ini lagi. Kerajaan apabila mengkaji satu-satu bangunan itu untuk dijadikan ataupun diiktiraf sebagai benda purba sudah tentu mengkajinya daripada berbagai-bagai aspek. Saya tidak bercadang untuk membincangkan bagaimana sesuatu bangunan itu diiktiraf sebagai bangunan purba.

Cuma saya ingin menerangkan kepada Ahli-ahli Yang Berhormat supaya Ahli-ahli Yang Berhormat tidak bimbang tentang perkara ini. Sudah tentu ia melalui berbagai-bagai jawatankuasa membincangkan sama ada layak atau tidak bangunan itu dijadikan satu bangunan purba. Sudah tentu ia mempunyai sejarahnya yang tersendiri, mungkin dalam 100 tahun yang akan datang. Tempat lahirnya pemimpin agung, misalnya, ataupun tempat lahirnya seorang, sebagai contoh, perwira bangsa yang berkorban untuk negara, mungkin. Itu terpulang kepada jawatankuasa yang akan datang, 100 tahun lagi. Sudah tentu kita semua tidak akan menduduki dalam jawatankuasa itu!

Jadi, ia bukan mengambil semua bangunan yang telah berumur lebih daripada 100 tahun dijadikan bangunan purba. Tidak! Banyak saya yakin bangunan-bangunan purba, bangunan-bangunan yang lama 100 tahun, 200 tahun atau mungkin 300 tahun tidak layak pun ditakrifkan ataupun diwartakan sebagai harta nasional atau harta negara, kepunyaan atau warisan bangsa kita. Cuma beberapa bangunan sahaja dan apabila bangunan ini hendak diambilalih oleh Kerajaan. Itu pun jika ianya tidak lagi terpelihara. Kalau tuanpunya bangunan itu telah memeliharanya kerana apabila telah diwartakan, ia menjadi satu tarikan pelancong, berduyun-duyun pelancong hendak tengok macam mana

bangunan ini. Mungkin orang Jepun datang, orang Australia pun datang, hendak tengok bangunan ini dan mungkin tuanpunya mendapat pendapatan yang agak lumayan juga daripada pembayaran pelancongan ini dan dia dapat menjaga bangunan ini dengan elok supaya itu adalah satu tarikan dan mendatangkan income kepadanya. Maka Kerajaan tidak berhajat untuk hendak mengambil-alih tanah ini sebagai tanah Kerajaan. Kerajaan akan membiarkan tuan tanah itu menjaga bangunan itu. Jadi, kalau kita lihat dari segi realitinya, hanya beberapa bangunan sahaja akan dijadikan atau diwartakan di bawah Akta Benda Purba ini. Dan daripada beberapa bangunan itu, hanya sebilangan sahaja yang tidak dapat dipelihara lagi akan diambil balik oleh Kerajaan.

Jadi, kalau ada dalam pemikiran Ahli-ahli Yang Berhormat bahawa mungkin orang kampung akan teraniaya, Pak Ali akan teraniaya, Pak Mat akan teraniaya, saya bagi pihak Kerajaan bolehlah memberi jaminan. Perkara penganiayaan Pak Ali, Pak Mat ini adalah satu perkara yang tidak ada langsung terfikir oleh Kerajaan. Malah kalau Pak Mat yang mempunyai bangunan ataupun pondok usang yang dapat diwartakan-sebagai harta atau warisan negara, ia menjadi satu rahmat kepada Pak Mat [Ketawa] kerana dengan pewartaan itu, Pak Mat akan dapat menerima ....

**Timbalan Yang diPertua:** Ramai.

**Tuan Mohd. Noh bin Rajab:** ...ramai pelancong-pelancong datang dan sudah tentu pelancong akan membayar sejumlah wang untuk menengok atau melihat sendiri bangunan ini, apakah bangunan ini sehinggakan Kerajaan mewartakannya sebagai harta atau warisan negara. Dan

daripada situ, Pak Mat akan dapat rahmat, [Ketawa] Jadi,...

**Tuan Haji Mohamed Nazri bin Abdul Aziz:** [Bangun]

**Timbalan Yang di-Pertua:** Dengan perkataan "rahmat" tadi, Yang Berhormat Tuan Haji Mohamed Nazri bin Abdul Aziz hendak minta penjelasan.

**Tuan Mohd, Noh bin Rajab:** ,..boleh ditukarkan kepada apa pun. Tuan Haji Mohamed Nazri pun boleh buat begitu. [Ketawa]

**Tuan Haji Mohamed Nazri bin Abdul Aziz:** Tuan Yang di-Pertua, ini sebagai penjelasan sedikitlah. Saya ingat di sini Pak Mat tidak akan teraniaya kalau sekiranya tanahnya digazet. Saya ingat soalnya ialah sama ada Pak Mat akan teraniaya ataupun tid'ak kalau sekiranya Kerajaan mengambil-alih tanah itu?

**Timbalan Yang di-Pertua:** Di mana pergi rahmatnya?

**Tuan Haji Mohamed Nazri bin Abdul Aziz:** Di mana yang sepatutnya dapat rahmat. Kalau Pak Mat ini tidak jaga tanahnya, kemudian, Kerajaan mengambil-alihnya daripada dia. Bila hendak bayar pampasan, pada ketika itu baru berbangkit penganiayaan kepada Pak Mat kerana apabila dibawa ke mahkamah, mahkamah tentukan harga, maka mahkamah terpaksa mengambil kira - tanah itu digazet, tidak siapa hendak - harga pasaran berasaskan kepada "supply and demand". Tanah yang telah digazet, saya ingat orang tidak hendak. Jadi, memang Pak Mat tidak dianiaya kalau tanah itu digazet. Tetapi Pak Mat akan dianiaya kalau sekiranya apabila tanahnya hendak diambil. inilah soalnya di bawah Akta Pengambilan Tanah. Jadi, bila Kerajaan ambil tanah Pak Mat itu dan bila hendak bayar pampasan itu, pada

ketika itu Pak Mat dianiayakan. Jadi, saya minta Yang Berhormat Setiausaha Parlimen terangkan.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Sila.

**Tuan Mohd. Noh bin Rajab:** Saya cuba untuk hendak mengikis keraguan dalam pemikiran Yang Berhormat Tuan Haji Mohamed Nazri ini bahawa mungkin Pak Mat taraniaya.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Ya. [Ketawa]

**Tuan Mohd. Noh bin Rajab:** Kita sedar juga kalau pengambilan tanah ini tidak diberikan pampasan yang setimpal, ia menjadikan satu penganiayaan. Tetapi dalam hal ini, saya ingin membawa Yang Berhormat Tuan Haji Mohamed Nazri kepada satu pandangan yang lain iaitu....

**Timbalan Yaag di-Pertua:** Yang Berhormat, agaknya panjang lagi? Cuba ringkaskan sampai pada pukul 6.35 petang. Kalau tidak, boleh sambung.

**Tuan Mohd. Noh bin Rajab:** Boleh kita sambung besok? Saya hendak teruskan.

**Timbalaa Tang di-Pertua:** Teruskan, kita sambung besok.

**Tuan Mohd. Noh bin Rajab:** Walau bagaimanapun, saya ingin memberi jaminan kepada Yang Berhormat Tuan Haji Mohamed Nazri bahawa Kerajaan akan mengambil kira juga tentang nasib Pak Mat yang mana saya rasa Yang Berhormat Tuan Haji Moharaed Nazri sendiri adalah di.....

**Datuk Haji Ahmad bin Haji Abdullah:** [Bangun]

**Timbalao Yaog di-Pertua:** Yang Berhorraat, ada minta lagi laluan. Yang Berhorraat Datuk Haji Ahmad pula, kerana fasal sebut nama "Pak Mat" ini, maka Datuk Haji Ahmad hendak bangun. [Ketawa]



**Datuk Haji Ahmad bin Haji Abdullah:** Jadi, oleh sebab nama "Pak Mat", "Pak Mat" ini, pada masa yang akan datang, adakah rumah saya ini jadi "rumah Pak Mat"? [Ketawa]

**Tuan Mohd. Noh bin Rajab:** [Bangun]

**Timbalan Yang di-Pertua:** Sila, sila. Soalannya, apabila sebut nama "Pak Mat", adakah rumah Yang Berhormat Datuk Haji Ahmad ini mungkin menjadi mangsa pada satu hari?

**Tuan Mohd. Noh bin Rajab:** Tuan Yang di-Pertua, menjadi mangsa dan menjadi panggilan yang rumah itu menjadi "rumah Pak Mat" adalah dua perkara. Kalau boleh saya katakan rumah ...

**Timbalan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Datuk Haji Ahmad.

**Tuan Mohd. Noh bin Rajab:** ....Yang Berhormat Datuk Haji Ahmad memang setengah-setengah orang memanggil itulah rumah Pak Mat. Tetapi sama ada ia menjadi mangsa, inilah yang saya hendak terangkan bahawa Kerajaan tidak berhajat untuk menjadikan mana-mana Pak Mat mangsa kepada Akta ini.

Oleh yang demikian, Tuan Yang di-Pertua, berkenaan dengan pertanyaan daripada Yang Berhormat Tuan Haji Mohamed Nazri tadi, Kerajaan bertanggungjawab atas segala tindakannya tentang pengambilan tanah ini. Apa yang saya hendak bawa kepada pemikiran Ahli-ahli Yang Berhormat ialah apabila tanah ataupun bangunan yang sedemikian seperti yang disebutkan tadi ini terletak di bandar, itu sahaja mungkin ada relevance ataupun perbincangan akan timbul yang mana sekiranya bangunan itu terletak di satu kawasan yang mana

sekeliling atau berhampirannya, terletak bangunan-bangunan pencakar langit dan sudah tentunyalah nilai tanah-tanah yang mana terletaknya bangunan-bangunan tinggi yang tanah itu begitu bernilai sekali dan di situlah terletaknya satu bangunan yang telah diwartakan sebagai satu warisan negara

**Timbalan Yang diPertua:** Jadi, Yang Berhormat, boleh sambung  
besok.

**Tuan Mohd. Noh bin Rajab:** Terima kasih.

**Timbalan Yang di—Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, Persidangan ditangguhkan hingga jam 2.30 petang besok.

**Dewan ditangguhkan pada pukul 6.30 petang.**